

BAB II

BAB II

BUAH FIKIRAN MUHAMMAD ABD AL-WAHHAB

A. PENGENALAN RINGKAS BUAH FIKIRANNYA

Di antara perkara yang paling penting untuk mengetahui adakah dakwah dan ajaran Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab ini salah, menyeleweng, keluar daripada ajaran Islam yang sebenar atau sebaliknya, kita perlu melihat kepada buah fikiran atau pendapat dan ajaran beliau. Untuk mengetahui buah fikiran dan ajarannya, kita tidak boleh hanya mendengar ulasan atau pandangan yang diberi oleh orang lain lebih-lebih lagi oleh musuh-musuhnya sahaja, tetapi ia perlu dilihat dan dikaji juga pendapat atau kata-katanya sendiri, pendapat pengikut-pengikut beliau daripada kalangan ulama' sama ada anak-anaknya atau orang lain.

Kalau didengar daripada pendapat musuh-musuhnya, mereka mengatakan bahawa ajaran dan pendapat beliau adalah salah, karut menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar dan berlainan daripada pendapat Ahli Sunnah wal-Jamaah. Ajarannya sama dengan ajaran golongan Khawarij, keluar daripada pendapat imam mazhab empat. Buah fikirannya menyalahi ajaran al-Qur'an dan Sunnah

Rasulullah s.a.w. dan jauh sekali daripada kebenaran. Musuh-musuh beliau mengatakan bahawa beliau telah mengkafirkan orang yang tidak mengikut ajarannya. Beliau telah menghina Nabi Muhammad s.a.w., **mentasybih** atau menyamakan Allah dengan mahluk (*Tuhan berjisim*), mengingkari keramat para wali, **bertawasul** adalah haram dan lain-lain lagi.¹

Sebagai contoh, Sulaiman Ibn Suhaim, seorang ulama' yang menjadi musuh ketat beliau menyebut dalam surat yang dihantar kepada ulama'-ulama' negara Islam ketika itu mengatakan bahawa Muhammad Ibn. Abd. al-Wahhab telah mengkafirkan ramai orang Islam yang tidak menyokong pendapatnya, beliau berkata:

"Telah sabit beliau (Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab) berkata bahawa orang ramai semenjak 600 tahun lalu tidak ada apa-apa (tidak mengikut Islam) dan beliau (Muhammad) mengambil sikap, mana-mana orang Islam yang tidak menerima kata-katanya dan tidak mahu menyaksikan bahawa kata-katanya adalah benar, maka orang itu dihukum kafir dan mana-mana orang yang menerima pendapatnya dan mengikut jejak langkahnya serta membenarkan apa sahaja yang keluar dari mulutnya maka dia berkata kepada orang itu, "Awak orang yang mentauhidkan Allah, (موحد)",

1. Akan disebut perkara ini dengan lebih panjang dalam bab berikut nanti.

sekalipun orang itu sungguh-sungguh fasiq.¹

Manakala al-Sayyid Ahmad Zaini Dahlan, mufti Makkah yang hidup selepas beliau di dalam bukunya *al-Saniyyah Fi al-Rad ala al-Wahhabiyah* menyebut perkara yang sama katanya:

"Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab adalah orang yang mula-mula berterus terang mengkafirkan orang Islam semenjak 600 tahun (dahulu) kemudian pendapat itu diikuti oleh orang ramai (pengikutnya). Apabila ada orang memasuki agamanya (mengikut ajarannya), sedangkan orang itu telah menunaikan haji sebelum itu, pengikut-pengikut (Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab) berkata kepada orang itu "Tunaikan haji kali kedua, kerana haji kamu yang pertama dahulu itu kamu lakukan sewaktu kamu masih musyrik (kafir) kerana itu kewajipan haji masih wajib ke atas kamu (mesti ditunaikan semula)."²

Apa yang disebut di atas adalah sebahagian kecil daripada pendapat musuh Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab yang disebarluaskan ke seluruh pelusok dunia Islam bertujuan untuk memburuk-burukkan beliau dan menuduh

-
1. Abd Aziz Ibn Muhammad Ibn Ali al-Abd al-Latif, *op.cit.*, hlm. 165.
 2. Al-Sayyid Ahmad Zaidi Dahlan, *Al-Darar al-Saniyyah fi al-Rad ala al-Wahhabiyah*, Matbaah Mustafa al-Babi al-Halabi, Mesir, 1966, hlm. 42-43.

beliau menyeleweng dan sesat, atau mungkin juga kerana kejahilan mereka itu terhadap ajaran beliau yang sebenar. Segala tuduhan dan cacian yang dikemukakan oleh musuh-musuh itu semuanya dijawab dengan panjang lebar oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab sendiri dan juga oleh pengikut-pengikutnya daripada kalangan ulama' semenjak dahulu dan berterusan sampai ke hari ini, sama ada ulama' dari Arab Saudi dan negara-negara Timur Tengah yang lain dan sebagainya.¹

Dalam kajian ini penulis akan membawa beberapa pendapat beliau sendiri dan juga pendapat pengikut-pengikutnya yang terdapat dalam kitab-kitab tulisan mereka. Ia bertujuan untuk mengetahui sejauhmana kebenaran atau penyelewengan pendapatnya.

Hasil daripada kajian dan penyelidikan yang dibuat didapati beliau adalah seorang yang mengikut Nabi bukan orang yang mengada-adakan perkara baru dalam agama (bukan **mubtadi'**). Dia mengajak orang ramai supaya kembali kepada kemurnian Islam sebagaimana yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Islam yang bersih daripada sebarang bentuk penyelewengan, khurafat, bid'ah dan

1. Sebahagian jawapan-jawapan terhadap tuduhan itu akan disebut dalam bab ketiga nanti.

syirik. Beliau mengajar dan mengajak orang ramai supaya kembali kepada ajaran al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah s.a.w. serta kembali kepada aqidah ***Salafus al-Salih***.

Sewaktu penduduk Qasim bertanya kepada beliau mengenai aqidah pegangannya, Muhammad Ibn Abd al-Wahhab menjelaskan dengan panjang lebar. Di antara lain beliau berkata:

"Aku bersaksi kepada Allah dan kepada para malaikat yang ada bersamaku juga aku bersaksi kepada kamu semua bahawa aku beriktikad sama dengan apa yang diiktikadkan oleh **Firqah Najiyah** (Golongan yang selamat) daripada kalangan Ahli Sunnah wal-Jamaah iaitu beriman kepada Allah, kepada malaikatNya, kitab-kitabnya, rasul-rasulNya, beriman kepada adanya kebangkitan selepas mati, dan beriman kepada qada dan qadar baik dan buruk (datang daripada Allah)."¹

Mengenai keimanan beliau kepada Allah s.w.t. pula beliau menjelaskan dalam surat tersebut, katanya:

"Di antara cara beriman kepada Allah s.w.t. ialah beriman dengan semua sifat yang disebutkan sendiri oleh Allah s.w.t. di dalam kitabNya (al-

1. Abd. Rahman Ibn Qasim al-Asimi al-Najdi,, ***Al-Darar al-Saniyyah fi al-Ajwibah al-Najdiyyah***, cet. 3, jld. 1, Dar al-Arabiyyah, Beirut, 1977M/1398H, hlm. 28.

Qur'an) dan melalui lidah RasulNya (Muhammad) s.a.w. tanpa *ditahrif* (diubah) dan tanpa *dita'til* (dibuang sebahagian daripada sifat yang disebut olehNya). Bahkan aku beriktiad bahawa Allah s.w.t. itu Maha Mendengar Lagi Maha Melihat. Aku tidak menafikan sedikitpun sifat-sifat yang disifatkan oleh Allah s.w.t. sendiri dan aku tidak mengubah kalam (Allah) dari tempatnya (dengan *takwil* atau seumpamanya), juga aku tidak mengilhadkan (mengkufuri) nama-namaNya dan ayat-ayatNya, aku tidak menggambarkan Allah (dengan sebarang bentuk dan keadaan) juga aku tidak menyamakan mana-mana sifatNya dengan sebarang sifat makhlukNya kerana Allah Taala (tidak ada) nama yang menyerupaiNya dan tidak ada sesuatu yang serupa dan setanding denganNya juga tidak boleh dikiaskan Allah s.w.t. dengan makhlukNya kerana Allah s.w.t. lebih mengetahui tentang diriNya (atau zatNya) dari orang lain. Sebab itu Maha Suci Allah daripada menyerupai dengan sebarang sifat yang disifatkan oleh orang yang salah daripada golongan *takyif* dan *tamthil* (golongan yang menggambarkan Allah dengan pelbagai rupa dan keadaan dan yang menyerupai Allah dengan sesuatu), juga Maha Suci Allah daripada segala sifat kekurangan sebagaimana yang dinafikan (atau dikurangkan sifat-sifatNya) oleh golongan-golongan yang menafikanNya yang terdiri daripada golongan *tahrif* dan *ta'til*.¹

Kemudian Muhammad Ibn Abd al-Wahhab menjelas lagi akidah yang dipegangnya, katanya:

1. *Ibid.*

"(Pendapat) *Firqah al-Najiah* (golongan yang berjaya atau selamat) mengenai 'afalullah (أفعال الله) berada di tengah-tengah antara pendapat golongan *Qadariah* dan *Jabariah*. Manakala mengenai *Waid Allah* (وَعِيدُ اللَّهِ) adalah di tengah-tengah di antara pendapat golongan *Murjiah* dan golongan *Wa'idiyah* (*Khawarij* dan *Mu'tazilah*). Dalam bab iman dan agama pula terletak di tengah-tengah antara pendapat golongan *Haruriah*, *Mu'tazilah* dan *Murjiah* serta *Jahamiah*. Manakala mengenai sikap mereka (*Firqah Najiah* yang juga dipegang oleh beliau terhadap para sahabat Rasulullah s.a.w. adalah di tengah-tengah antara pendapat golongan *Rafidah* (Syiah Imamiah) dan *Khawarij*.¹

Mengenai keimanan beliau kepada al-Qur'an dijelaskan juga kepada penduduk Qasim katanya:

"Aku beriktikad bahawa al-Qur'an adalah kalam Allah yang diturunkan, bukan makhluk. Dari Allah ia lahir dan kepadaNya ia akan kembali dan sesungguhnya Allah berfirman dalam al-Qur'an dan Dia menurunkannya kepada hambaNya, rasulNya yang amanah dan kepada dutaNya iaitu Nabi kita Muhammad s.a.w."²

Selain daripada itu Muhammad Ibn Abd al-Wahhab juga menerangkan dalam surat tersebut mengenai pegangan

-
1. Abd. Rahman Ibn Qasim al-'Asimi al-Najdi, *op.cit.*, hlm. 28.
 2. *Ibid.*

aqidahnya berhubung dengan perkara *samiyyat*, *Qalam* dan *Haudh* (حوض) Rasulullah s.a.w., mengenai *syufaat* Baginda di Akhirat, syurga, neraka, kedudukan sahabat Rasulullah s.a.w., keramat para wali, pengertian imam dan lain-lain lagi semuanya sama seperti aqidah Ahli Sunnah wal-Jamaah.¹

Bagi mengakhiri surat jawapan di atas beliau menyebut beberapa tuduhan yang dilemparkan kepadanya, kemudian dijelaskan dengan tegas bahawa beliau tidak melakukannya apa yang dituduh itu. Beliau berkata:²

"Telah sampai berita kepadaku yang Shaykh Sulaiman Ibn Suhaim telah menghantar surat kepada kamu (penduduk Qasim) dengan menyebut beberapa perkara antaranya, beliau berkata, aku menolak (tidak terima) kitab-kitab Imam mazhab empat, mengkafirkan orang ramai semenjak 600 tahun dahulu, aku mengaku berijtihad (*ijtihad mutlag*), aku keluar daripada golongan taklid, aku berkata perselisihan pendapat ulama' adalah bala, aku mengkafirkan orang yang bertawassul dengan orang salih (juga tuduhan mengatakan) sekiranya aku berkuasa meruntuhkan Kubah di kubur Nabi s.a.w., tentu aku akan meruntuhkannya dan jika aku berkuasa menaiki Kaabah tentu aku mengambil saluran emas (di atasnya) dan ditukarkan dengan saluran kayu, aku

-
1. Abd Rahman Ibn Qasim al-Asimi al-Najdi, *op.cit.*, hlm. 29-30.
 2. *Ibid.*, hlm. 31.

mengharamkan orang ramai daripada menziarahi kubur Nabi s.a.w., aku mengkafirkan Ibn al-Faridh dan Ibn Arabi. Jawapan aku terhadap semua tuduhan itu, aku berkata, Maha Suci Allah! Ini adalah tuduhan-tuduhan karut yang besar (daripada musuh-musuhku).¹

Di tempat lain dia menjawab,

"Bahawa segala apa yang disebut mengenai kami dalam banyak perkara selain (kami) mengajak orang ramai kepada tauhid dan melarang daripada syirik kepada Allah maka semua (tuduhan) itu adalah karut dan bohong."²

Apa yang disebut di atas adalah sebahagian daripada pendapat Muhammad Ibn Abd al-Wahhab sendiri mengenai pegangan dan ajaran dakwahnya. Kemudian jika dilihat kepada sikap dan pendapat mereka yang mengikuti beliau didapati sama sahaja, tidak ada sebarang perbezaannya. Sebagai contoh Shaykh Abd. Latif Ibn Abd. Rahman Ibn Hassan seorang ulama yang mengikuti ajarannya menjelaskan mengenai dakwah dan ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab. Katanya:

1. *Ibid.*, hlm. 31.

2. *Ibid.*, hlm. 52.

"Sesungguhnya Shaykh Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab **rahimahullah** telah mengajak orang ramai supaya menyembah Allah dan melarang mereka daripada mensyirikkanNya. Tidak ada seorang muslimpun yang syak dan tidak mahu mengaku bahawa itu adalah ajaran daripada Allah s.w.t. yang kerana itu diutusnya Rasul-rasul dan diturunkan kitab-kitab."¹

Di tempat lain Shaykh Abd. Latif menyebut,

"Kemudian Shaykh kita (Muhammad Ibn Abd al-Wahhab **rahimahullah**) mengajak orang ramai supaya menunaikan sembahyang lima waktu dan diminta supaya selalu menunaikannya sebaik-baik sahaja ia diseru (yakni sebaik-baik sahaja mendengar azan) kerana ini adalah di antara Sunnah Nabi dan tiang agama sebagaimana telah dijelaskan oleh al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah s.a.w. Dia juga mengajak orang ramai mengeluarkan zakat, menunaikan puasa dan haji juga mengajar supaya melakukan **amar ma'ruf** dan **nahi mungkar** serta menyuruh orang ramai supaya meninggalkan kemungkaran."²

Di samping itu Muhammad Ibn Abd al-Wahhab sendiri selalu berdialog dan memberi jawapan-jawapan tegas berdasarkan kepada ayat-ayat al-Qur'an, Hadith-hadith Rasulullah s.a.w. dan pendapat-pendapat ulama' muktabar

1. Abd. Aziz Ibn Muhammad Ibn Ali al-Abd al-Latif,
op.cit., hlm. 22-23.

2. *Ibid.*

bagi mematahkan hujah ulama'-ulama' yang menentangnya. dan perkara yang sama dilakukan oleh ulama' penyokongnya yang terkemudian di sepanjang masa sampai ke hari ini sehingga pengaruh ajaran beliau telah diterima baik oleh ramai umat Islam di seluruh dunia Islam.

Oleh sebab itulah Abd. Aziz Ibn Muhammad Ibn al-Abd. Latif membuat kesimpulan di dalam bukunya bahawa ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab adalah benar tidak menyeleweng, katanya:

"Dengan itu tahu lah kita bahawa Shaykh al-Imam (Muhammad Ibn Abd al-Wahhab) dan pengikut-pengikutnya mengajak orang ramai supaya berpegang dengan *manhaj Salafus al-Salih* sama ada dalam bidang aqidah, syariat dan *suluk* (akhlak) dan mereka menggunakan beberapa cara dan sebab bagi terlaksana perkara itu. Di samping itu mereka juga selalu berhati-hati dalam melaksanakan perintah-perintah dan kewajipan agama dan menjauhi daripada larangannya. Dengan itu mereka adalah mencontohi Rasulullah s.a.w. dan sahabat-sahabatnya.¹

Itulah gambaran ringkas tentang buah fikiran dan ajaran Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab yang sebenar. Tetapi malangnya ramai di kalangan ulama' benci kepada beliau

1. Abd Aziz Ibn Muhammad Ibn Ali al-Abd al-Latif,
op.cit., him. 24.

dan memusuhi ajarannya sehingga mereka terus menentang dan mengatakan ajaran beliau salah, menyeleweng, sama seperti ajaran Khawarij. Bukan itu sahaja bahkan ada yang berani mengkafirkan beliau.

Di bawah ini akan dijelaskan lagi ajaran beliau secara lebih detil.

B. TAUHID DAN PEMBAHAGIANNYA MENGIKUT
MUHAMMAD IBN ABD AL-WAHHAB

(a) Pendahuluan

Mengikut kajian, banyak penulis menyebut bahawa Muhammad Ibn Abd al-Wahhab mula berdakwah kepada orang ramai tentang tauhid yang murni seperti yang dipegang oleh para *salafus al-salleh* sewaktu beliau masih belajar di Basrah lagi. Beliau menegah orang ramai daripada melakukan perbuatan syirik, bid'ah dan penyelewengan, di samping membetulkan akidah. Kemudian dakwahnya mula cergas pada tahun 1153H. selepas kematian ayahnya. Untuk itu beliau menulis sebuah kitab "**Kitab al-Tawhid**" di dalamnya dijelaskan mengenai tauhid, jenis-jenis ibadat, perkara yang berlawanan dengannya seperti syirik, bid'ah dan sebagainya.¹

Penekanan beliau mengenai tauhid ini banyak dijelaskan oleh ramai penulis seperti Ahmad Amin dan lain-lain lagi. Ahmad Amin ada menyebut:

"Masalah paling penting yang selalu difikirkan oleh Muhammad Ibn Abd Wahhab sewaktu belajar dan menuntut

1. Lihat ulasan sebelum ini sewaktu menjelaskan isi-isi karya tulisan beliau.

ilmu ialah masalah tauhid yang menjadi tiang agama, tauhid yang berasaskan kepada ucapan syahadah " ﷺ " iaitu ucapan syahadah yang membezakan agama Islam dengan agama lain dan tauhid juga agama bawaan Rasulullah s.a.w. yang tidak ada berhala, tidak ada sembah dan pemujaan kepada ayah, ibu dan datuk nenek,¹ pendita-pendita dan seumpamanya.¹

Muhammad Ibn Abd al-Wahhab sedar bahawa di zamannya masyarakat Islam telah banyak rosak akidah, unsur-unsur syirik, bid'ah dan khurafat menjadi perkara biasa. Dia juga sedar bahawa gejala-gejala syirik, bid'ah, khurafat dan penyelewengan yang berlaku dalam masyarakat adalah disebabkan oleh lemahnya akidah umat Islam. Umat Islam akan menjadi baik apabila mereka kembali menghayati ajaran al-Quran dan sunnah serta menghayati tuntutan syahadah " ﷺ ".²

Kerana pentingnya akidah tauhid, beliau banyak menulis kitab-kitab bersabit dengan tauhid.³

1. Ahmad Amin, *op.cit.*, hlm. 10.

2. Shyakh Ahmad al-Qahtan dan Muhammad al-Zain, *op.cit.*, hlm. 112.

3. Telah dijelaskan dalam bab pertama sebelum ini.

(b) Tauhid dan Pembahagiannya

Muhammad Ibn Abd Wahhab membahagikan tauhid kepada tiga bahagian iaitu tauhid *Rububiyyah*, *Uluhiyyah* dan *Asma'* dan *sifat*.¹ Sesetengah ulama membahagikan tauhid kepada dua jenis; pertama tauhid pada *Ma'rifat* dan *Ibsbat* yang mengandungi di bawahnya tauhid *Rububiyyah* dan *Asma'* dan *Sifat*, yang kedua tauhid pada *Talab* dan *Kasad*, iaitu tauhid *Uluhiyyah* dan *Ibadat*.² Di bawah ini dijelaskan ketiga-tiga jenis tauhid tersebut.

(i) Tauhid Rububiyyah

Kalimah tauhid ialah perkataan *Masdar* (kata terbitan) daripada perkataan *Wahhada* " ﷺ, " , *yuwahidu* " ﷺ " , yang bermaksud jadikannya esa dan satu, kerana itu agama Islam dipanggil agama tauhid kerana agama ini berdasarkan kepada mentauhid (mengesakan) Allah, iaitu Allah itu Esa pada kekuasaan dan perbuatanNya, Esa pada zat dan sifatNya juga Esa pada *Uluhiyyah*, yakni Allah yang Esa sahaja berhak

-
1. *Ibid*, hlm. 115-121, Dr. Munir al-Ajlani, *op.cit.*, hlm. 253-273. Dr. Abdullah al-Salleh al-Uthaimin, *op.cit.*, hlm. 121.
 2. Al-Shaykh Hafiz Ibn Ahmad al-Hakim, *Maarij al-Qabul fi Syarh Sullam al-Wusul Ila Ilm al-Usul fi Tawhid*, jil. 1, Dar al-Ifta wa al-Da'wah wa al-Irsyad, Riyadh, t.t., hlm. 54.

disembah tidak ada syirik dengan sesuatu jua pun.¹

Tauhid **Rububiyyah** ialah tauhid kekuasaan iaitu mengaku dan mengiktiraf bahawa Allah Taala yang Esa adalah pencipta sekalian makhluk, yang memiliki segalanya. Dia penciptanya, memberi rezeki kepada makhluk. Dia menghidupkan dan mematikan sesuatu yang ada di alam ini. Dia memberi mudarah (mengenakan sesuatu bala bencana) dan memberi manfaat kepada sesuatu. Dia yang Esa menerima doa permohonan seseorang yang memohon kepadaNya. Dia Tuhan yang mentadbir dan menguruskan segala perkara di alam ini dan ditanganNya, (pada kekuasaanNyalah) segala kebaikan. Dia berkuasa melakukan apa yang Dia mahu, tidak ada sesuatu yang menyengutukanNya.²

Bagi Muhammad Ibn Abd al-Wahhab tauhid **Rububiyyah** ini diiktiraf oleh semua umat manusia sama ada dia seorang Islam atau bukan Islam kecuali golongan-golongan Athis yang tidak percaya adanya Tuhan. Orang kafir biasa beriman dan percaya dengan tauhid ini. Sebab itu kalau seseorang itu hanya mengakui dan beriman dengan

1. Al-Shaykh Sulaiman Ibn Abdullah Ibn Muhammad, *op.cit.*, hlm. 32-33.

2. *Ibid.*, hlm. 33.

tauhid ini sahaja tidak disertakan dengan tauhid yang lain, dia tidak boleh dianggap orang Islam, untuk menjadi seorang muslim seseorang itu mestilah mengakui dan mengiktraf sama tauhid ***Uluhiyyah*** dan tauhid ***Asma*** dan ***Sifat*** bersama dengan tauhid ***Rububiyyah*** ini.

Jika dilihat kepada ayat-ayat al-Quran di dapati orang-orang kafir musyrikin di zaman Rasulullah s.a.w. atau sebelum nya seperti Abu Jahal dan lain-lain lagi, mereka mengaku dan percaya kepada tauhid ***Rububiyyah*** ini, jika ditanya kepada mereka siapakah yang mencipta langit dan bumi? Dan siapakah yang mentakbir alam ini? Dan jika ditanya siapakah yang memberi rezeki? Mereka tetap menjawab Allah s.w.t. yang mencipta langit dan bumi. Allah s.w.t.lah yang mentakbir alam ini juga memberi rezeki kepada hambanya. Pengakuan mereka ini dapat dibuktikan dari beberapa keterangan Allah dalam al-Quran, antaranya Allah berfirman:¹

قُلْ مَنْ يُرْزِقُكُمْ مِّنَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ أَمْ يَمْلِكُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَارَ وَمَنْ يُنْزِحُ الْحَىَ مِنَ
الْمَيْتِ وَمَنْ يُخْرِجُ الْمَيْتَ مِنَ الْحَىِ وَمَنْ يَدِيرُ الْأَمْرَ فَسَيَقُولُونَ اللَّهُ فَقْلٌ أَفَلَا تَنْقُونُ

Ertinya:

"Bertanyalah kepada mereka (kaum musyrikin itu) siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi dan siapakah yang menguasai pendengaran dan penglihatan dan

1. Surah Yunus, ayat 31.

siapakah yang mengeluarkan makhluk yang hidup dari benda yang mati dan mengeluarkan benda yang mati dari makhluk yang hidup dan siapakah yang mentakbir urusan alam ini, mereka (kaum musyrikin) akan menjawab dengan berkata," Allah jualah yang menguasai segala-galanya oleh itu katakanlah jika kamu mengakui yang demikian maka mengapa kamu tidak mahu takwa?

Dan firmanNya lagi:¹

قُلْ مَنِ الْأَرْضُ وَمَنِ فِيهَا إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ سَيَقُولُونَ لَهُ أَفْلَأْ تَذَكَّرُونَ

Ertinya:

Tanyalah (wahai Muhammad) kepunyaan siapakah bumi ini dan segala yang ada padanya kalau kamu ketahui, mereka akan menjawab, "Kepunyaan Allah", katakanlah oleh itu mengapakah kamu tidak ingat (dan insaf).

Dari keterangan ayat di atas jelas bahawa sekalipun orang kafir percaya dan beriman kepada tauhid *Rububiyyah* di atas tetapi mereka tidak boleh dipanggil orang Islam kerana mereka engkar kepada tauhid *Uluhiyyah* (tauhid penyembahan), kerana itulah dalam ayat lain Allah menjelaskan ramai dari mereka yang tidak beriman kepada Allah dengan sebenar bahkan mereka tetap

1. Surah al-Mukminun, ayat 84-85.

mensyirikkanNya. Allah berfirman:¹

وَمَا يُؤْمِنُ أَكْثَرُهُمْ بِاللَّهِ إِلَّا وَهُمْ مُشْرِكُونَ

Ertinya:

Dan sebahagian daripada mereka tidak beriman kepada Allah melainkan dalam keadaan syirik kepadaNya.

Dari ayat ini jelas bahawa orang-orang kafir memang percaya kepada tauhid *Rububiyyah* tetapi mereka tidak boleh dipanggil orang mukmin kerana mereka masih syirik pada tauhid penyembahan (*Uluhiyyah*). Jadi untuk menjadi seorang itu mukmin dan Islam, dia mestilah beriman dengan ketiga-tiga jenis tauhid serentak dengan tidak boleh diasing-asingkan di antara satu dengan lain.

(ii) Tauhid Asma dan Sifat

Tauhid ini adalah pengakuan bahawa Allah bersifat dengan segala sifat kesempurnaan, Allah mengetahui segala sesuatu, berkuasa ke atas segala perkara, Dia hidup, tidak mengantuk dan tidak tidur. Segala kehendakNya terlaksana tidak ada yang terhalang, Dia Maha Mendengar dan Maha Melihat, Maha Pemurah dan

1. Surah Yusof, ayat 106.

mensyirikkanNya. Allah berfirman:¹

وَمَا يُؤْمِنُ أَكْثَرُهُمْ بِاللَّهِ إِلَّا وَهُمْ مُشْرِكُونَ

Ertinya:

Dan sebahagian daripada mereka tidak beriman kepada Allah melainkan dalam keadaan syirik kepadaNya.

Dari ayat ini jelas bahawa orang-orang kafir memang percaya kepada tauhid *Rububiyyah* tetapi mereka tidak boleh dipanggil orang mukmin kerana mereka masih syirik pada tauhid penyembahan (*Uluhiyyah*). Jadi untuk menjadi seorang itu mukmin dan Islam, dia mestilah beriman dengan ketiga-tiga jenis tauhid serentak dengan tidak boleh diasing-asingkan di antara satu dengan lain.

(ii) Tauhid Asma dan Sifat

Tauhid ini adalah pengakuan bahawa Allah bersifat dengan segala sifat kesempurnaan, Allah mengetahui segala sesuatu, berkuasa ke atas segala perkara, Dia hidup, tidak mengantuk dan tidak tidur. Segala kehendakNya terlaksana tidak ada yang terhalang, Dia Maha Mendengar dan Maha Melihat, Maha Pemurah dan

1. Surah Yusof, ayat 106.

bersifat dengan berbagai-bagai sifat *kamalat* lain lagi, juga Allah mempunyai nama-nama yang baik (*al-Husna*) dan sifat-sifat yang mulia,¹ Maha Suci Allah dari bersifat dengan segala sifat kekurangan dan kelemahan.

Mengenai nama-nama dan sifat Allah ini Muhammad Ibn Abd al-Wahhab - sebagaimana telah disebut sebelum ini - beriman dengan segala sifat dan nama Allah yang disebut dalam al-Quran dan dalam sunnah sahih, tanpa *ditakyif* (diterangkan caranya) tanpa *ditasybih* dan *ditamthil* (di sama atau diserupakan sifat Allah dengan sifat makhluk), tanpa *dita'wil* atau diubah kepada maksud dan erti lain dari yang disebut, juga tanpa *dita'til* (dinafikan sifat-sifat Allah) bahkan beriktikad Allah itu tidak menyerupai dengan sesuatu dari makhlukNya dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat.²

Sebagaimana firman Allah:³

لَيْسَ كَمُثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

-
1. Al-Shaykh Sulaiman Ibn Abdullah Ibn Muhammad, *op.cit.*, hlm. 34-35.
 2. Abd Rahman Ibn Qasim al-'Asimi al-Najdi, *op.cit.*, jid. I, hlm. 28. Dr. Muhammad Ibn Abdullah al-Salman, *op.cit.*, hlm. 44.
 3. Surah al-Syura, ayat: 11.

Ertinya:

Tidak ada sesuatu yang
menyerupaiNya dan Dia (Allah) Maha
Melihat lagi Maha Mendengar.

Penjelasan yang dilakukan oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab di atas itu sama seperti penjelasan yang telah dilakukan oleh ulama-ulama *Salaf* yang terdahulu, termasuk juga Ibn Taimiyyah dan Ibnu Qaiyyim. Sebagai contoh Ibn Taimiyyah menjelaskan tentang beriman kepada sifat-sifat Allah katanya:

"Hendaklah disifatkan Allah Taala dengan apa yang disifatkan olehNya sendiri dan dengan apa yang disifatkanNya oleh RasulNya samada pada menafikannya atau pada mengisbatkannya, kerana itu diisbatkan bagi Allah sifat yang diisbatkan olehNya sendiri dan dinafikan apa-apa sifat yang dinafikanNya."¹

Segala nama dan sifat-sifat Allah tidak menyerupai dengan nama dan sifat makhluk. Nama-nama dan sifat-sifat tersebut walaupun ada yang nampak sama pada sebutan dengan nama-nama dan sifat-sifat makhluk, umpamanya Allah bersifat dengan ilmu maka ilmu Allah tidak sama dengan ilmu manusia. Begitu juga dengan

1. Abd Rahman Ibn Muhammad Ibn Qasim al-'Asimi al-Hanbali, *Majmu' Fataawa Shaykh al-Islam Ahmad Ibn Taimiyyah*, jld. 3, tanpa percetakan, 1398H. hlm. 3.

kuasa Allah tidak sama dengan kuasa manusia dan begitulah dengan sifat-sifat lain seperti sifat *Yad*, *Wajh*, *Istiwa* dan sebagainya.

Allah berfirman:¹

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ إِنَّ اللَّهَ الصَّمَدُ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوْلَدْ وَلَمْ يَكُنْ لَّهٗ كَفُواً أَحَدٌ

Ertinya:

Kata oleh mu (wahai Muhammad) Tuhan ialah Allah yang Esa, yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat, Dia tidak beranak dan tidak diperanakkan dan tidak ada sesiapa pun yang setara denganNya.

Dalam ayat lain Allah berfirman:²

وَلَهُ الْأَسْمَاءُ الْخَيْرُ فَادْعُوهُ بِهَا وَذَرُوا الَّذِينَ يَلْهَدوْنَ

وَالْأَسْمَاءُ سَيْحَزُونَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Ertinya:

Bagi Allah Taala mempunyai nama yang baik (mulia), serulah dan berdoa kepadaNya dengan menyebut nama-nama itu dan pulaukanlah orang-orang yang berpaling dari kebenaran dalam masa menggunakan nama-namaNya mereka akan mendapat balasan mengenai apa yang mereka kerjakan.

-
1. Surah al-Ikhlas, ayat 1-4.
 2. Surah al-Araf, ayat 180.

Beliau dan pengikutnya tidak menghadkan sifat-sifat Allah kepada bilangan tertentu (seperti 20 sifat) bahkan apa-apa sifat yang ada dalam al-Quran atau sifat-sifat yang disebut dalam hadith sahibh wajib diterima dan diimani kerana apa yang disebut dalam al-Quran dan hadith sahibh adalah benar dan wajib diimaninya.¹

Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan pengikut-pengikutnya menegaskan bahawa sikap mereka mengenai sifat-sifat Allah sama seperti sikap para *salafus-al-salleh*.

Mereka berpendapat sama seperti pendapat Imam Malik bin Anas r.a. Imam Malik pernah menjelaskan, katanya, "maksud *al-Istiwa'* adalah *maklum* (diketahui) ertiannya, dan *Kaifiyah* atau (caranya) *majhul* (tidak diketahui), beriman dengannya adalah wajib dan bertanya mengenainya adalah bid'ah."²

Pendapat mereka mengenai *al-Istiwa'* sama seperti mereka mentafsir sifat-sifat *Khabariah* Allah yang lain tanpa cuba mengetahui *Kaifiyah* atau caranya dan tidak

1. Dr. Abdullah al-Salleh al-Utaimini, *op.cit.*, hlm. 128.

2. *Ibid.*, hlm. 130.

menyerupai dengan sifat-sifat makhluk.¹

Mengenai sifat-sifat dan nama-nama Allah, beliau dan mengikut-pengikutnya berpegang kepada akidah **salaf** kerana pegangan seperti itu lebih selamat, lebih mengetahui dan lebih bijak. Selain itu mereka menafi pendapat yang mengatakan ayat-ayat al-Quran yang menerangkan sifat-sifat **Khabariah** (seperti *Wajh*, *Yad* dan lain-lain) digunakan pada **majazi** atau menta'wilkan kepada makna lain bagi mengelak dari menyerupai Allah dengan makhluk. Muhammad Ibn Abd al-Wahhab tidak bersetuju dengan pendapat di atas yang menta'wilkan sifat-sifat tersebut. Sebab itu beliau menjawab pandangan golongan di atas dengan katanya:

"Pendapat ini boleh membawa kepada terhapus akidah keseluruhannya kerana jika dakwaan yang mengatakan ayat-ayat al-Quran yang begitu jelas sekalipun masih tidak boleh dipakai kepada makna hakiki yang tidak menyerupai dengan sifat makhluk (bahkan perlu digunakan pada makna **Majazi** dan perlu dita'wil). Sedangkan al-Quran diturunkan bertujuan untuk mengeluarkan orang-orang ramai dari kegelapan kekufuran kepada cahaya keimanan maka tentulah pendapat tadi seolah-olah menganggap wahyu ilahi tidak diperlukan atau seolah-olah berkeyakinan Rasulullah s.a.w. tidak mengetahui makna hakiki

1. *Ibid.*

ayat-ayat tersebut sebab itu baginda tidak menerang maksudnya kepada umatnya, (dan tidak menta'wilkannya), ataupun seolah-olah mereka menganggap baginda mengetahui maknanya tetapi tidak diterang kepada umatnya. Kalau beginilah anggapan, maka akan melahirkan anggapan lain yang lebih teruk iaitu seolah-olah menganggap risalah Rasulullah s.a.w. tidak berguna dan al-Quran serta Rasul sendiri tidak perlu atau kurang perlu.¹

Kerana itu beliau dan pengikut-pengikutnya tetap berpegang seperti akidah **salaf**, tanpa dibuat sebarang tafsiran atau **ta'wilan**. Mana-mana ayat yang menjelaskan mengenai sifat-sifat **Khabariah**, diisbatkan sifat-sifat itu kepada Allah kerana ia ada dijelaskan oleh Allah dalam al-Quran dan oleh Nabi Muhammad s.a.w. dalam hadith-hadith sahihnya sebagaimana yang dipegang oleh Imam Malik dan lain-lain ulama **salaf** yang terdiri dari kalangan para sahabat, tabiin dan tabii al-Tabiin seperti yang telah dijelaskan. Pandangan seperti ini telah diperkenalkan juga oleh Syeikh Islam Ibn Taimiyyah dalam abad ketujuh hijrah.²

1. *Ibid.*, hlm. 130-131.

2. Lihat kitab-kitab tauhid Ibn Taimiyyah seperti *Aqidah al-Wasitiyyah* dan lain-lain.

(iii) Tauhid Uluhiyyah

Tauhid *Uluhiyyah* dipanggil juga tauhid *Ubudiyyah* (tauhid ibadat). Mengikut Muhammad Abd al-Wahhab tauhid ini ialah mentauhidkan dan mengesakan Allah s.w.t. pada ibadat,¹ yakni segala ibadat hanya hak Allah Taala yang Esa sahaja tidak boleh diberi kepada yang lain. Kalau salah satu hak ibadat diberikan kepada selain daripada Allah maka berlakulah syirik dengan tauhid ini. Umpamanya doa adalah satu ibadat yang hanya untuk Allah sahaja, tiba-tiba ada orang berdoa meminta sesuatu dari pokok atau dari jin dan seumpamanya maka ini berlaku syirik dalam berdoa, iaitu syirik pada tauhid *Uluhiyyah* atau tauhid ibadat.

Kemudian beliau menjelaskan pula pengertian ibadat iaitu nama yang meliputi perkara yang dikasihi atau dicintai oleh Allah dan yang diredhainya sama ada tutur kata dan sebutan dengan mulut juga perbuatan-perbuatan samada yang zahir dan batin. Di antara ibadat itu seperti doa, meminta pertolongan (*istianah* dan *istighathah*), penyembelihan haiwan, bernazar, takut, harapan, bertawakkal, menyembah, ruku', sujud, khusu' merendah diri kepada Allah dan membesarNya. Semua ini

1. Dr. Munir al-Ajlani, *op.cit.*, jid. 1, hlm. 258.

sebahagian daripada ibadat yang menjadi hak Allah Taala jua tidak boleh diberi kepada sesuatu yang lain sama seperti yang diberi kepada Allah, kerana itu ibadat perlu dilakukan dengan ikhlas untuk Allah yang Esa sahaja jangan ada sebarang syirik sama ada kepada malaikat yang hampir kepada Allah, kepada Rasul utusan Allah atau makhluk-makhluk lain.¹

Tauhid *Uluniyyah* atau tauhid ibadat ini dijelaskan oleh Allah antara lain dalam ayat berikut:²

أَيُّكُمْ نَعْبُدُ وَأَيُّكُمْ نَسْتَعِينُ

Ertinya:

Kepada Engkau (Ya Allah) kami sembah
dan kepada Engkau kami meminta
pertolongan.

Juga dalam firmanNya:³

فَاعْبُدُهُ وَتُوَكِّلْ عَلَيْهِ وَمَا رِبُّكَ بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ

-
1. Shaykh Sulaiman Ibn Abdullah Ibn Muhammad, *op.cit.*, hlm. 36.
 2. Surah al-Fatiyah, ayat 4.
 3. Surah Hud, ayat 123.

Ertinya:

Maka hendaklah kamu sembahNya (Allah) dan bertawakal kepadaNya dan Tuhan kamu tidak lalai lupa terhadap apa yang kamu kerjakan.

Apabila seseorang beriman dengan Tauhid *Uluhiyyah*, maka secara automatik dia mesti beriman dengan tauhid *Rububiyyah* dan tauhid *Asma* dan *Sifat* kerana tauhid *Uluhiyyah* mengandungi di bawahnya tauhid lain. Tetapi tidak sebaliknya.

Perlu dijelaskan di sini bahawa tauhid *Uluhiyyah* ialah tauhid yang berdasarkan kepada ucapan syahadah " لا إله إلا الله ". Manusia dan jin dijadikan oleh Allah bertujuan supaya menyembah Allah yang menjadi intisari tauhid *Uluhiyyah*. Firman Allah:¹

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّاْنَ وَالْأَنْسَاءَ لِيَعْبُدُونَ

Ertinya:

Aku tidak ciptakan jin dan manusia melainkan untuk beribadat (dan menyembahKu).

Oleh kerana pentingnya tauhid *Uluhiyyah* yang di bawahnya mengandungi kesemua jenis tauhid yang lain, Allah pengutus para Rasul dan anbiya' sampai Nabi

1. Surah al-Zariat, ayat: 56.

Muhammad s.a.w. bertujuan supaya mereka mengajar umat manusia beriman kepada Allah dan menyembahNya serta jangan melakukan sebarang syirik kepadaNya.

Jika dilihat kepada ayat-ayat al-Quran yang mengandungi tugas para Rasul, kita dapati semua Rasul menyeru umatnya kepada tauhid khususnya tauhid *Uluhiyyah* ini. Di antara lain, Allah berfirman:¹

• ما أرسلنا من قبلك من رسول إلا نوح عليه أنه لا إله إلا أنا فاعبدون

Ertinva:

Dan kami tidak mengutus sebelummu (wahai Muhammad) seseorang Rasul pun melainkan kami wahyukan kepadanya, "bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan aku." Oleh itu beribadatlah kamu kepada Aku.

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنْ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ

Ertinya:

Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan dalam kalangan tiap-tiap umat seseorang Rasul (dengan memerintah mereka), "hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhkanlah taghut."

1. Surah al-Anbiya', ayat 25.
 2. Surah al-Nahl, ayat 36.

¹ ولقد أرسلنا نوحًا إلی قومه فقال يَا قوم اعبدوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ أَفَلَا تَتَقَوَّنُونَ

Ertinya:

Dan sesungguhnya kami telah mengutus Nabi Nuh kepada kaumnya lalu berkatalah dia, "wahai kaumku sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tidak ada Tuhan bagi kamu yang berhak disembah selain Dia."

Daripada beberapa petikan ayat di atas jelaslah bahawa para Rasul diutus bertujuan di antara lain untuk mengajak umat supaya mengaku dan beriman kepada tauhid *Ulūhiyyah*, atau dengan kata lain, mereka mengajak umatnya supaya menyembah Allah dan jangan melakukam syirik kepadaNya. Apabila seseorang itu telah beriman dengan tauhid *Ulūhiyyah*, dengan sendirinya dia beriman dengan tauhid lain. Setelah perkara akidah dan tauhid kepada Allah telah ada dihatinya, dia akan beriman pula dengan rukun iman yang lain, kemudian setelah dia benar-benar beriman dengan kesemua rukun Iman tersebut, segala perintah Allah dikerjakan dengan baik dan laranganNya dijauhi.

1. Surah al-Mu'minun, ayat 23.

Tauhid ini adalah awal agama dan akhirnya, ia bahan pertama dan terakhir dakwah para Rasul (sepanjang zaman). Ia juga maksud ucapan syahadah " لا إلَهَ إِلَّا اللهُ " Ini kerana perkataan "*Ilah*" (الله) bererti *ma'lukh* (ملوكه) yang bermaksud Tuhan yang disembah dengan kasih sayang, ditakuti, dimulia dan diagongi serta dibesarkan juga ditumpukan kepadaNya semua jenis ibadat. Kerana pentingnya tauhid ini makhluk dijadikan, para rasul diutus untuk setiap umatnya, diturunkan kitab-kitab dari langit, dengan tauhid ini boleh membezakan orang mukmin dan orang kafir dan bahagia penghuni syurga dan celaka atau binasa penghuni neraka.¹ Semua Rasul mengajak umatnya supaya beriman kepada tauhid ini, mengajak mereka supaya menyembah Allah yang Esa dan menjauhi syirik kepadaNya. Contohnya sebagaimana Allah menjelaskan Nabi Nuh berdakwah, firmanNya:²

وَلَقَدْ بَعَثْنَا نُوحًا إِلَى قَوْمٍ فَقَالَ يَا قَوْمَ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرِهِ أَفَلَا تَتَقَوَّنُونَ

Ertinya:

Sesungguhnya kami telah mengutuskan Nuh kepada kaumnya, lalu dia berkata, "hai! kaumku, sembahlah Allah, tidak ada Tuhan yang disembah bagi kamu selain Dia, maka mengapa kamu tidak bertawakal (kepadanya).

-
1. Syeikh Sulaiman Ibn Abdullah Ib Muhammad, *op.cit.*, him. 36.
 2. Surah al-Mu'minun, ayat 23.

Ayat lain lagi Allah berfirman:¹

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّةِ وَالْأَنْسَابَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ

Ertinya:

Aku tidak cipta (jadikan) jin dan manusia kecuali untuk menyembahKu.

Dari petikan ayat-ayat di atas jelas bahawa tauhid *Uluhiyyah* atau *Ubudiyyah* sangat penting perlu difahami dengan sebaik mungkin, kerana itu Syeikh Sulaiman bin Abdullah salah seorang cucu Muhammad Ibn Abd al-Wahhab menyebut bahawa tauhid *Uluhiyyah* merupakan kewajipan pertama ke atas setiap orang mukalaf, ia adalah kewajipan agama yang pertama dan terakhir, orang yang ingin memeluk Islam mesti mengucap dan sewaktu hendak mati pun dituntut mengucap tauhid ini.² Nabi Muhammad bersadba:³

أُمِرْتُ أَنْ أَفْتَأِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهُدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَإِنَّ رَسُولَ اللَّهِ

1. Surah al-Zariyat, ayat 56.

2. Shaykh Sulaiman Ibn Abdullah Ibn Muhammad, *op.cit.*, hlm. 37.

3. Imam Jalaluddin Abd Rahman Ibn Abi Bakr al-Suyuti, *Al-Jami' al-Saghir fi Ahadith al-Basyir al-Nazir*, jid. 1, Dar al-Fikr, t.t., hlm. 65.

Ertinya:

Aku diperintah oleh Allah supaya membunuh (memerangi) manusia sehingga mereka mengucap dua kalimah syahadah (dengan ikhlas) tiada Tuhan Ilah yang disembah kecuali Allah dan Nabi Muhammad adalah RasulNya.

Sebagai kesimpulan dapat dikatakan bahawa Muhammad Ibn Abd al-Wahhab membahagikan tauhid kepada tiga jenis; Tauhid *Rububiyyah*, *Uluhiyyah* dan *Asma* dan *Sifat*. Seseorang boleh dianggap Islam dan mukmin apabila mereka beriman dengan ketiga-tiga jenis tauhid di atas. Kalau hanya beriman kepada tauhid *Rububiyyah* dan *Asma* dan *Sifat* sahaja tanpa tauhid *Uluhiyyah* seseorang itu tidak boleh dipanggil Islam, bahkan mereka masih kafir. Orang kafir musyrikin di zaman Rasulullah s.a.w. mereka telah beriman dengan kedua-dua tauhid *Rububiyyah* dan *Asma* dan *Sifat* tetapi mereka ingkar kepada tauhid *Uluhiyyah*, kerana itu mereka tetap dianggap kafir. Pembahagian tauhid kepada tiga jenis seperti yang dijelaskan oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab ini ditolak dan tidak dipersetujui oleh ramai musuh-musuhnya dan terus mereka membuat kritikan kepada beliau. Walaupun begitu Shaykh Muhammad tetap dengan pendiriannya dan menjawab kritikan musuhnya dan pembahagian yang diperkenalkan oleh beliau dahulu itu, sekarang ini telah diperkenalkan dan diterima pakai oleh ramai orang Islam termasuk di negara kita ini.

C. TAWASSUL DAN JENIS-JENISNYA

(a) Pendahuluan

Bertawassul sewaktu berdoa satu perkara yang selalu dilakukan oleh ramai umat Islam di mana-mana sahaja mereka berada, mereka melakukan **tawassul** dengan berbagai-bagai cara; ada dengan perantaraan nama-nama Allah, dengan sifatNya, dengan amalan-amalan soleh yang dikerjakan, dengan imannya kepada Allah, dengan perantaraan orang soleh yang masih hidup, dengan roh Nabi Muhammad dan juga ada yang melalui perantaraan roh-roh para wali yang sudah meninggal dunia dan ada dengan perantaraan *jah* (pangkat) dan zat seseorang.

Bertawassul dengan roh-roh wali dan dengan zat atau *jah* (pangkat) seseorang merupakan **tawassul** yang menjadi titik perbezaan antara Muhammad Ibn Abd. Wahhab dengan golongan ulama-ulama lain yang menentangnya. Muhammad bukannya menolak **tawassul** (tidak mengharuskan **tawassul**) secara total bahkan dia tidak mengharuskan **tawassul** dengan roh orang mati dan dengan zat atau *jah* (pangkat) seseorang, kerana **tawassul** jenis ini dikatakan **tawassul bid'ah** tidak dilakukan oleh Rasulullah s.a.w., tidak juga oleh para sahabat dan golongan **salafus al-**

salleh terdahulu.¹

Sebelum penulis menjelaskan sikap beliau mengenai jenis-jenis **tawassul** tersebut, terlebih dahulu penulis ingin menjelaskan erti **tawassul**, hukum-hukumnya dan beberapa jenis **tawassul** yang diharuskan dan diharamkan.

(b) **Erti Tawassul dan Wasilah**

Tawassul dan **wasilah** berasal dari perkataan Arab bermaksud mendekatkan diri kepada perkara yang dituntut atau kepada perkara yang dikehendaki.

Dalam kamus lisan al-Arab menyebut "**tawassul**" dan "**wasilah**" bererti mendekatkan diri kepada Allah. Al-Jauhari menyebut, **tawassul** kepada Allah bererti seseorang itu mendekatkan diri kepada Allah dengan melalui amalan.¹

Dalam surah al-Maidah ayat 35, Allah menyebut perkataan **al-wasilah** bermaksud **Qurbah** (mendekatkan diri kepadaNya) dengan melalui amalan-amalan yang baik.

-
1. Akan dijelaskan pendapat beliau selepas ini.
 2. Ibn al-Munzur, *Lisan al-Arab*, jid. 1, Dar Sadir, Beirut, t.t, hlm. 724.

FirmanNya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَابْتَغُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَةَ

Ertinya:

Wahai orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan carilah jalan yang boleh mendekatkan kepadaNya (dengan melaksanakan perintahNya dan meninggalkan laranganNya).

Perkataan "**al-Wasilah**" dalam ayat ini bermaksud "**Qurbah**" (mendekatkan diri kepada Allah). Ini sebagai mana yang dijelaskan oleh Ibn Abbas, Abu Wail, 'Ata', Mujahid, al-Sudiu', Ibn Zaid dan lain-lain lagi.¹

Dari sini jelas bahawa kedua-dua perkataan "**tawassul**" dan "**wasilah**" memberi erti yang sama iaitu mendekatkan diri kepada sesuatu dengan melalui sesuatu amalan yang diredhai Allah.

Tawassul pada syarak bererti mendekat atau mendampingkan diri kepada Allah dengan mentaatiNya, beribadat kepadaNya dan dengan mengikut Nabi Muhammad s.a.w. juga dengan melakukan amalan-amalan yang disukai

1. Ibn Kathir, *Tafsir al-Quran al-Azim*, jld. 2, Dar al-Fikr, t.t., hlm. 52.

dan diredhai olehNya.¹

Dengan kata lain **tawassul** pada syarak bermaksud sesuatu permintaan atau permohonan atau doa kepada Allah yang dipohon oleh seseorang mukmin dengan melalui perantaraan amalan soleh atau melalui perantaraan seseorang tertentu supaya apa yang dihajati diperkenan oleh Allah atau supaya sesuatu perkara yang diminta akan dimakbulkan olehNya.²

Atau boleh juga dikatakan **tawassul** ialah permintaan sesuatu hajat atau sesuatu kemahuan daripada Allah dengan melalui perantaraan samada manusia, amalan soleh dan lain-lain. Manakala hajat atau kemahuan itu meliputi perkara-perkara yang mendatangkan faedah kepada orang yang memohon, kepada keluarganya atau kepada sesiapa sahaja dan samada perkara itu mengenai urusan keduniaan atau keagamaan. Umpamanya seseorang berdoa dan menyebut begini:

اللهم اني أسألك بأنك أنت الرحمن الرحيم أتى تعافي

-
1. Muhammad Nasib al-Rifai *al-Tawassul ila Haqiqah al-Tawassul al-Masyru' wa al-Mammu'*, cet. 3, Muassasah al-Da'wah al-Salafiyyah, 1979, hlm. 20, Muhammad Ali al-Sabuni, *Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir*, cet. 3, jil. 1, Dar al-Quran al-Karim, Beirut, 1396H., hlm. 513.
 2. Abu Bakar Jabir al-Jazairi, *Aqidah al-Mu'min*, cet. 3, Dar al-Syuruq, Juddah, 1982, 1402, hlm. 126-127.

Ertinya:

Wahai Tuhan, sesungguhnya aku meminta daripadaMu dengan perantaraanMu Tuhan Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani semoga berilah rahmat kepadaku.

Atau katanya:

اللهم ان أسألك بمحبتك لمحمد صلى الله عليه وسلم أن تغفر لي ذنبي

Ertinya:

Wahai Tuhan, sesungguhnya aku memohon daripadaMu dengan perantaraan kasihMu kepada Nabi Muhammad s.a.w. semoga kamu tunaikan hajatku dan ampunkan dosaku.

Doa dan permohonan di atas dianggap doa secara **bertawassul** yang dibolehkan oleh Islam kerana kedua-dua contoh di atas menggunakan perantaraan sifat-sifat Allah Taala. Dalam contoh pertama menggunakan sifat-sifat Allah "al-Rahman al-Rahim" (Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani). Manakala contoh kedua menggunakan perantaraan sifat kasih Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w.

Bagi ulama pengikut Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab, mereka menjelaskan bahawa **tawassul** yang dilakukan oleh orang ramai, ada yang salah dan

menyeleweng, ada yang bid'ah dan ada yang diharuskan. Shaykh Abd. Latif Ibn Abd. Rahman bin Hassan cucu beliau menyebut bahawa perkataan **tawassul** telah digunakan oleh ramai orang dengan erti yang berbeza-beza dan berlainan. Golongan pemujaan kubur, mengguna perkataan **tawassul** kepada erti **istighathah** (meminta pertolongan) kepada selain daripada Allah, seperti kepada tuan kubur dan berdoa kepadanya bagi memperolehi sesuatu keperluan atau untuk mengelak dari sesuatu perkara yang tidak diingini. Golongan ini juga bertawassul dengan bernazar dan menyembelih binatang (kepada kubur-kubur wali), juga dengan membesar-besarkan hak sesuatu makhluk dengan cara yang tidak disyariatkan atau tidak diharuskan.

Manakala golongan yang berilmu (yang memahami ajaran Islam) kata - Sheikh Abd. Latiff - mereka menggunakan perkataan **tawassul** kepada cara berdoa atau memohon sesuatu mengikut cara yang dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w., iaitu mereka bertawassul kepada Allah dengan perantaraan sesuatu yang diharuskan seperti **bertawassul** dengan ibadat-ibadat, dengan cara yang diajar oleh Rasulullah, yang dipanggil **tawassul** yang berpandukan kepada ajaran al-Quran dan sunnah Rasul.

Manakala satu golongan lagi mengguna perkataan **tawassul** ketika berdoa dan memohon kepada Allah dengan perantaraan **jah** (pangkat kelebihan) nabi atau dengan hak

(kebenaran) hamba-hamba Allah yang soleh atau para wali. Yang terakhir inilah yang selalu dilaku dan difahami oleh orang-orang terkemudian sewaktu mereka bertawassul.¹

(c) **Hukum Bertawassul**

Memohon sesuatu hajat melalui **tawassul** atau perantaraan memang diharuskan oleh Islam apabila dilakukan mengikut cara-cara dan pedoman yang ditetapkan oleh syarak, tetapi apabila dilakukan secara sebaliknya ia menjadi haram dan kadang-kadang boleh membawa kepada syirik.

Al-Quran menjelaskan keharusan bertawassul, Allah berfirman:²

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَابْتَغُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَةَ وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِكُمْ تَفْلِحُونَ

Ertinya:

Wahai orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan carilah jalan yang boleh menyampaikan kepadaNya (dengan melaksanakan perintahNya) dan meninggal

-
1. Abd. Aziz Ibn Muhammad Ibn Ali al-Abd. al-Latif, *op.cit.*, hlm. 254,
 2. Surah al-Maidah, ayat 35.

laranganNya dan berjuanglah pada jalan Allah mudah-mudahan kamu beroleh kejayaan.

Ayat di atas Allah menyeru orang-orang mukmin supaya berusaha mendekatkan diri kepada Allah dengan melakukan ketaatan serta amalan-amalan soleh yang diredhainya. Ini bererti Allah memberi perangsang kepada hambaNya supaya bertawassul atau mencari jalan yang boleh mendekatkan mereka kepada Allah dengan melalui iman, takwa dan dengan berjihad pada jalan Allah tidak dengan melakukan maksiat dan lain-lain.

Dalam ayat lain Allah menjelaskan cerita anak Nabi Yaakob a.s. memohon daripada ayahnya supaya tolong berdoa dan bertawassul memohon keampunan daripada Allah supaya menghapuskan dosa mereka. Cerita itu dijelaskan oleh Allah dalam firmanNya:¹

قالوا يا أبانا استغفر لنا ذنوبنا أنا كنا حاطين قال سوف

أستغفر لكم ربي انه هو الغفور الرحيم

Ertinya:

Mereka (anak-anak Nabi Yaakob a.s.) berkata: Wahai ayah kami, mintalah ampun (daripada Allah) bagi kami sesungguhnya kami adalah orang-orang yang bersalah. Nabi Yaakob berkata: Aku akan memohon ampun bagi kamu

1. Surah Yusof, ayat 97-98.

daripada Tuhan, sesungguhnya Dialah jua Tuhan Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

Ayat di atas menunjukkan bahawa **tawassul** dengan melalui doa orang soleh yang masih hidup adalah dituntut dan pernah dilakukan oleh umat terdahulu.

Selain daripada ayat al-Quran, Rasulullah s.a.w. banyak menjelaskan keharusan **bertawassul** ini samada melalui perantaraan nama-nama Allah **al-Husna**, dengan iman dan dengan orang-orang soleh yang masih hidup. Umpamanya suatu masa Rasulullah s.a.w. bersabda maksudnya:¹

"Sesiapa yang banyak kesusahan dan dukacita hendaklah berdoa dengan berkata, "wahai Tuhanku sesungguhnya aku ini hambaMu dan anak hambamu yang lelaki dan perempuan, ubun-ubun (hadapan kepalaku) ditanganMu, hukumMu berjalan dalam semua urusanku, Qada'Mu adil terhadapku, aku memohon daripadaMu dengan perantaraan segala nama-nama khusus untukMU yang Mu namakan zatMu dengan nama-nama itu atau nama-nama itu Mu telah memberitahu kepada makhlukMu atau Mu menjelaskan (menyebut) nama-nama itu melalui kitabMu (al-Quran) atauMu utamakannya dalam ilmu ghaib disisiMu, dengan itu aku memohon semoga Mu menjadikan al-Quran sebagai penawar hatiku dan cahaya dadaku." (Apabila seseorang berdoa melalui nama-nama Allah

1. Ibn al-Athir al-Jazari, *Jami' al-Usul fi Ahadith al-Rasul*, jld. 4, Maktab al-Halawan dan Maktabah Dar al-Bayan, 1970-1390, hlm. 298.

seperti di atas) Allah akan menghapuskan kesusahan dan keluh-kesahnya dan diganti dengan kelapangan dan kesenangan."

Hadith ini menjelaskan kepada umat Islam supaya bertawassul dengan nama-nama Allah *al-Husna* sewaktu berdoa bagi memohon sesuatu. Ini menunjukkan bahawa tawassul adalah diharuskan oleh Islam apabila dilakukan dengan mengikut cara-cara yang dibenarkan.

Selain daripada al-Quran dan hadith, ulama telah ijmak mengharuskan bertawassul dan perkara ini diterima oleh Muhammad Ibn Abd. Wahhab dengan syarat ia dilakukan mengikut cara-cara dan syarat yang ditetapkan, tetapi jika dilakukan dengan cara-cara yang sebaliknya, ia ditegah dan jika silap cara ia boleh membawa kepada syirik.

(d) **Jenis Tawassul**

Sebagaimana yang disebutkan sebelum ini Muhammad Ibn Abd. Wahhab dan pengikut-pengikutnya banyak terpengaruh kepada pendapat Ibn Taimiyyah, termasuk mengenai pembahagian tawassul. Beliau membahagikan tawassul kepada dua jenis.¹ Pertama: Dipanggil

1. Dr. Ahmad Atiyyah ala-Zahrani, *op.cit.*, hlm. 318.

tawassul yang disyariatkan iaitu yang disepakati oleh semua ulama dan mereka mengatakan **tawassul** itu harus, boleh digunakan kerana sabit dengan dalil-dalil ayat al-Quran dan hadith Rasulullah s.a.w. Kedua: **Tawassul** yang tidak disyariatkan yang dipanggil **tawassul** bid'ah.

(1) **Tawassul Yang Disyariatkan**

Tawassul ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:¹

(i) **Tawassul Dengan Nama-nama Allah Al-Husna
Dan Dengan Sifat-sifatNya Yang Mulia**

Tawassul jenis ini banyak disebut oleh Allah dalam al-Quran dan oleh Nabi s.a.w. Allah berfirman:²

لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحَسَنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا

Ertinya:

Bagi Allah ada nama-nama **al-Husna**, maka hendaklah kamu berdoakan denganNya.

-
1. Dr. Ahmad Atiyyah al-Zahrani, **op.cit**, hlm. 319-332.
 2. Surah al-Araf, ayat 180.

Ayat ini menyuruh orang ramai supaya berdoa dengan menyebut nama Allah **al-Husna** dan sifat-sifatNya yang mulia.

Nabi Muhammad s.a.w. pernah berdoa dengan bertawassul dengan nama Allah Tuhan malaikat Jibril, Mikail, Israfil dan Tuhan Nabi Muhammad s.a.w. Kata:¹

اللهم رب جبريل وميكائيل واسرافيل وحمد نعوذ بك من النار

Ertinya:

Wahai Tuhanku, Tuhan (kepada malaikat Jibril, Mikail, Israfil dan Tuhan kepada Muhammad s.a.w. Kami berlindungan dengan Engkau (wahai Allah) dari azab api neraka.

Selain dari contoh di atas, banyak lagi contoh lain yang menunjukkan Allah dan RasulNya menggalakkan umat Islam supaya berdoa dengan bertawassul melalui nama-nama dan sifat Allah.

(ii) Tawassul Dengan Doa Orang Soleh Yang Hidup

Salah satu dari **tawassul** yang diharuskan dan diterima oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab ialah **tawassul** dengan perantaraan doa orang soleh yang masih hidup,

1. Imam Jalaluddin Abd Rahman Ibn Abi Bakr al-Suyuti, *op.cit.*, jid. 1, hlm. 56.

samada orang yang disuruh itu orang alim atau tidak. Tawassul jenis ini banyak disebut dalam al-Quran dan hadith Rasulullah, antaranya seperti anak-anak Nabi Yaakob yang bersalah kerana menzalimi saudaranya Nabi Yusoff a.s meminta dari ayahnya (Yaakob) supaya memohon ampun dari Allah seperti yang telah disebutkan sebelum ini.

Di zaman Rasulullah s.a.w. ada berlaku kemarau, sahabat meminta Rasulullah berdoa memohon hujan dan akhirnya hujan pun turun. Suatu hari sedang Rasulullah s.a.w. berkhutbah di hari Jumaat, seorang Arab Badwi masuk ke dalam masjid dan memberitahu baginda dengan katanya: "Wahai Rasulullah s.a.w., telah rosak binasa segala harta, banyak binatang lapar kerana kemarau, oleh itu doalah untuk kami supaya hujan turun." Lalu baginda pun mengangkat tangan berdoa. Pada waktu itu tidak ada sebarang tompok hitam, tetapi dengan tiba-tiba awan mendung pun berarak, sebelum baginda turun dari mimbar hujan pun turun dan terus turun selama seminggu. Pada hari Jumaat berikutnya sedang baginda berkhutbah, Arab Badwi itu memberitahu Rasulullah s.a.w. hujan telah merosakkan rumah-rumah, menenggelamkan tanaman. Oleh itu dia meminta Rasulullah supaya memohon daripada Allah semoga memberhentikan hujan, setelah baginda berdoa,

hujan pun berhenti.¹

Hadith di atas menjelaskan bahawa sahabat Rasulullah bertawassul dengan baginda; Pada mulanya diminta baginda tolong berdoa supaya hujan turun manakala kali kedua diminta dari baginda supaya memohon menghentikan hujan dan doa baginda itu diterima oleh Allah.

Kedua-dua contoh di atas adalah **tawassul** dari orang bawah atau orang rendah kepada orang yang lebih tinggi dan lebih mulia kedudukannya. Selain itu ada juga orang yang lebih tinggi kedudukan bertawassul dengan orang yang lebih rendah, seperti Rasulullah pernah meminta dari Saidina Umar supaya berdoa kepada baginda. Sewaktu Saidina Umar meminta kebenaran dari baginda untuk menunaikan umrah baginda berpesan kepadanya dengan bersabda:²

لَا تُنْسِنَا يَا أَخِي مِنْ دُعَائِكَ

Ertinya:

(Baginda berkata kepada Umar) jangan lupakan kami wahai saudaraku dari doa kamu.

-
1. Al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani, *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam* Maktabah Dar al-Salam, Riyadh, 1992-1413, hlm. 144-145.
 2. Muhyiddin Abu Zakaria Yahya al-Nawawi, *Al-Azkar*, cet. 4, Matbaah Mustafa al-Babi, Mesir, 1955-1375, hlm. 357.

Dari sini jelas bahawa **tawassul** dengan meminta dari orang soleh yang masih hidup supaya tolong berdoa kepada saudaranya adalah dilakukan oleh nabi sendiri dan juga oleh sahabat-sahabat baginda juga oleh umat-umat Islam lain sepanjang zaman. Samada orang yang meminta itu orang yang lebih rendah kedudukannya atau yang lebih tinggi.

(iii) **Tawassul Dengan Amal-Amal Soleh
Yang Dilakukan**

Di antara jenis **tawassul** yang disyariatkan dan diterima oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan pengikut-pengikutnya ialah **bertawassul** dengan amalan-amalan soleh yang telah dilakukan oleh orang yang ingin **bertawassul** itu sendiri dan juga dengan imannya. Umpamanya sewaktu berdoa seseorang itu berkata:

اللهم بامان بك وباتباعي لرسولك ونحي لأبيائك وأوليائك اغفرلي ذنب

Ertinya:

Wahai Tuhanmu dengan perantaraan imanku kepada Mu dan aku mengikut Rasul Mu (Muhammad s.a.w.), dengan kasihku kepada semua inbia Mu juga dengan kasihku kepada wali-wali Mu yang soleh, ampunilah dosaku.

Atau seperti yang disebut dalam firman Allah:¹

1. Surah Ali Imran, ayat: 193.

ربنا انتا سمعنا مناديا ينادي للإيمان أن امنوا بربكم فامنا ربنا فاغفرلنا ذنبنا
وكفر عننا سيئاتنا وتوفنا مع الأبرار
Ertinya:

Wahai Tuhan kami, kami mendengar (seruan) yang menyeru kepada iman (iaitu) "Berimanlah kamu kepada Tuhan kamu, maka kamipun beriman." Ya Tuhan kami ampunilah bagi kami dosa-dosa kami dan hapuskanlah dari kami kesalahan-kesalahan kami dan matikanlah kami berserta orang-orang yang berbakti.

Satu lagi contoh **tawassul** jenis ini seperti yang dijelaskan oleh Rasulullah bahawa tiga orang umat terdahulu telah terperangkap di dalam gua dan tidak dapat keluar kerana pintu gua tertutup dengan batu besar lalu masing-masing **bertawassul** dengan perantaraan amalan soleh masing-masing. Akhirnya pintu gua itu terbuka dan mereka dapat keluar dari gua itu dengan selamat. Cerita mereka bertiga disebut dengan panjang lebar oleh Rasulullah dalam hadith sahihnya.¹

Dari huraian yang disebut di atas jelas bahawa ketiga-tiga **tawassul** yang disebut di atas adalah tergolong dalam **tawassul** yang disyariatkan atau yang

1. Muhyidin Abu Zakaria Yahya, Al-Nawawi, *Riyadh al-Salihin*, Midan al-Jani al-Azhar, Mesir, t.t. hlm. 9-11.

diharuskan oleh Islam, dan disepakati keharusannya oleh semua ulama Islam dahulu dan sekarang. Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab menerima **tawassul** di atas sebagai **tawassul** yang diharuskan kerana ada dalil dari ayat al-Quran, hadith dan diterima oleh ulama-ulama *Salafus-al-Salleh*.

(2) **Tawassul Yang Tidak Disyariatkan**

Tawassul yang kedua ini dianggap oleh Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab dan ulama-ulama yang mengikutnya sebagai **tawassul** yang tidak disyariatkan atau tidak diharuskan kerana tidak ada dalil pengharusannya dari al-Quran dan hadith sahih, sebab itu **tawassul** ini dipanggil **tawassul bid'ah**. **Tawassul** ini ialah **tawassul** dengan hak seseorang (جَنِيْهُ فَلَانْ) atau dengan pangkat kedudukan seseorang (جَنِيْهُ فَلَانْ) atau seumpamanya, lebih-lebih lagi dengan hak dan **jah** orang yang telah mati, seperti seseorang berkata, "Wahai Tuhanaku aku memohon daripada Mu dengan perantaraan hak si anu bin si anu atau dengan **jah** (pangkat kedudukan) si anu bin si anu semoga Engkau ampunilah dosaku."¹

1. Dr. Ahmad Atiyyah al-Zahrani, *op.cit.*, hlm. 333.

Al-Ustaz Mas'ud al-Nadawi, seorang ulama yang menyokong Muhammad Ibn Abd al-Wahhab menjelaskan bahawa Ibn Taimiyyah, Muhamamrd Ibn Abd al-Wahhab dan pengikutnya tidak menerima **tawassul** dengan zat, *jah* dan hak seseorang, samada orang itu nabi, para wali dan orang-orang salih samada sewaktu mereka masih hidup atau telah meninggal dunia. Beliau berkata:

"**Tawassul** kepada Allah dengan perantaraan zat para nabi, orang-orang soleh (atau wali), **tawassul** ini tidak dilakukan oleh para sahabat Rasulullah sewaktu hayat baginda dan tidak juga selepas wafatnya, tidak sewaktu memohon hujan dan lain-lainnya, tidak di sisi kubur baginda atau jauh darinya. Tidak ada dipetik dari para sahabat mengharuskan dan melakukan **tawassul** yang tidak disyariatkan ini pada sebarang permohonan. Adapun **bertawassul** dengan perantaraan doa baginda sewaktu hayatnya itu memang diharuskan, dituntut dan berguna sekali ... Tetapi setelah baginda wafat **tawassul** ini tidak dibolehkan lagi."¹

Lepas itu beliau menambah lagi keterangan dengan katanya:

"**Tawassul** dengan zat para nabi dan orang-orang salih dengan maksud bersumpah dengan nama para wali dan orang-orang soleh seperti seseorang berdoa dengan menyebut, "Aku memohon

1. Ustas Masud al-Nadawi, *op.cit.*, hlm. 156.

dari Mu (wahai Tuhan) dengan perantaraan *jah* hambamu atau dengan kehormatannya aku memohon semoga Mu mengampunkan dosa ku. Maka **tawassul** ini ulama berselisihan pendapat; mengikut riwayat yang sahih di sisi mazhab Hanbali, ia adalah **makruh tahrim**. Pendapat ini sama dengan pendapat Imam Abu Hanifah sendiri dan sama dengan pendapat ulama-ulama mazhab Hanafi yang lain. **Tawassul** dengan perantaraan para nabi atau para wali atau dengan tempat-tempat suci (seperti Mekkah dan lain-lain) dan memohon doa dengan perantaraan hak mereka, hukumnya **makruh tahrim** di sisi Abu Hanifah ...itu juga pendapat Ibn Taimiyyah dan pendapat itu dipegang oleh Shaykh Muhammad Ibn al-Wahhab dan pengikutnya. Mereka semua tidak mengharuskan **tawassul** dengan perantaraan zat mana-mana nabi atau mana-mana wali. Mereka berpendapat sedemikian itu bukanlah bererti mereka mengeluarkan pendapat baru yang menyalahi pendapat ahli sunnah, tetapi sebenarnya mereka hanya melaksanakan (**mentatbik**) apa yang telah disepakati cieh pengikut mazhab Hanafi dan Hanbali.¹

Lepas itu Uztaz Masud al-Nadawi menyebut bahawa Syeikh Izzuddin Ibn Abd al-Salam dan Syeikh Syaukani adalah di antara ulama yang mengharuskan **tawassul** dengan zat Nabi Muhammad sahaja, tidak dengan orang lain.² .

1. *Ibid.*, hlm. 156.

2. *Ibid.*, hlm. 156-157.

Bagi Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab beliau tidak menerima bahkan (menolak) **tawassul** dengan zat, **jah** dan hak seseorang kerana **tawassul** jenis ini dikira **tawassul** bid'ah tidak dilakukan oleh Rasulullah, sahabat dan tabiin. Walaupun begitu beliau tidak mengharamkannya kerana **tawassul** ini dianggap perkara khilaf antara ulama. Beliau berkata:

"Adapun **tawassul** seperti seseorang berkata: "Wahai Tuhanaku aku bertawassul kepada Mu dengan perantaraan **jah** nabiMu Muhammad s.a.w. atau dengan hak hambamu, yang salleh atau dengan si anu bin si anu. Semua itu tergolong dari **tawassul** bid'ah yang tercela dan tidak ada nas yang mengharuskannya."¹

Dari sini jelaslah bahawa Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab tidak menerima **tawassul** dengan **jah** dan hak orang wali yang telah mati, sepetimana yang banyak dilakukan oleh golongan-golongan tasawuf.

Syeikh Sulaiman bin Abdullah bin Muhammad, seorang cucu beliau apabila ditanya orang mengenai **tawassul** dengan **jah** Nabi Muhammad s.a.w. atau **jah** nabi-nabi lain dan dengan **jah** orang-orang soleh yang telah mati beliau menjawab dengan katanya:

1. Abd Rahman Ibn Qasim al-'Asimi al-Najdi, *op.cit.*, hlm. 129.

"Adapun **tawassul** dengan **jah** makhluk seperti seseorang berdoa, "Wahai Tuhan, aku memohon dari Mu dengan perantaraan **jah** Muhammad s.a.w. dan seumpamanya selepas mereka mati, maka **tawassul** cara ini tidak ada dalam hadith Rasulullah s.a.w. Kebanyakan ulama menegahnya. Ibn Qaiyyum al-Jauziyyah menyebut **tawassul** ini tergolong dalam **tawassul** bid'ah sebagaimana ijmak ulama. Kalau sekiranya para nabi dan orang-orang salih (*wali*), mereka ada **jah** di sisi Allah, bukanlah bererti boleh **bertawassul** dengan zat dan **jah** mereka setelah mati, kerana sesiapa yang ada **jah** dan pangkat kelebihan, maka **jah** dan pangkat itu berguna untuk mereka sahaja, kita tidak mendapat sebarang faedah dari **jah** mereka itu kecuali dengan kita mengikut mereka dan kasih kepadanya. (Bukan boleh **bertawassul** dengan mereka)."1

Seorang lagi cucu beliau Syeikh Abdul Rahman bin Hassan bin Muhammad menjelaskan tidak harus **bertawassul** dengan perantaraan orang soleh yang telah mati, katanya:

"Sekiranya harus memohon sesuatu dari Allah dengan perantaraan orang soleh (atau wali yang telah mati) tentunya para sahabat nabi yang terdiri dari golongan Mahajirin dan Ansar tidak meninggalnya, bahkan sepatutnya mereka **bertawassul** dengan nabi selepas wafatnya sebagaimana mereka lakukan sewaktu baginda masih hidup seperti mana mereka memohon supaya baginda berdoa kepada mereka sewaktu ditimpa kemarau (sebagaimana yang disebut dalam hadith yang lepas). Sedangkan sewaktu zaman Khalifah Umar Ibn al-Khattab apabila berlaku kemarau, Umar bersama para sahabat

1. Abd Aziz Ibn Muhammad Ibn Ali al-Abd al-Latif,
op.cit., hlm. 260

lain bertawassul dengan Abbas memohon hujan, tidak memohon dengan baginda, kerana baginda telah wafat. Waktu itu Umar berdoa: "Wahai Tuhan Kami (dahulu sewaktu baginda masih hidup), apabila ditimpa kemarau, kami bertawassul memohon hujan kepada Mu dengan perantaraan nabi kami (Muhammad s.a.w.), maka Engkau turunkan hujan kepada kami, sekarang kami bertawassul memohon hujan kepadaMu dengan perantaraan bapa saudara Nabi kami (Abbas) maka turunkanlah hujan untuk kami." Lepas itu Umar berkata kepada Abbas, "Wahai Abbas, angkatlah kedua belah tanganmu" lalu dia mengangkat tangannya dan berdoa memohon dari Allah dan waktu itu dia (Abbas) tidak memohon dari Allah dengan *jah* nabi s.a.w. juga tidak dengan *jah* orang-orang lain (bahkan terus memohon dari Allah. Kalaualah tawassul dengan *jah* atau dengan roh para wali) boleh dan benar, tuntutlah para sahabat tersebut lebih dahulu melakukan tawassul dengan *jah* nabi dan tentu mereka lebih utamakannya."¹

Di antara dalil-dalil lain lagi yang dipegang oleh Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab bagi membuktikan tawassul dengan hak, *jah* dan roh orang mati tidak harus ialah:

1. Beliau berdalil dengan dalil-dalil yang disebut pada ketiga-tiga jenis tawassul yang disyariatkan seperti yang disebut di atas

1. Ibid.

iaitu **tawassul** dengan nama-nama Allah dan sifat-sifatNya, dengan amalan-amalan salih dan iman kepada Allah, juga dengan doa orang salih yang masih hidup. Bagi beliau **tawassul** yang harus hanya tiga jenis sahaja seperti di atas. Selain dari tiga jenis **tawassul** di atas dikira tidak disyariatkan bahkan dipanggil **tawassul** bid'ah.

2. Selain itu beliau dan pengikutnya menyebut bahawa Imam Abu Hanifah dan sahabatnya menegah dari bertawassul dengan jenis ini. Mereka memetik pendapat yang dinukilkan oleh Ibn Taimiyyah yang menyebut bahawa Abu Hanifah dan sahabatnya menegah orang ramai memohon dan berdoa dengan makhluk dan menegah seseorang berdoa seperti "Aku memohon dari Mu (wahai Allah) dengan hak nabi Mu."¹

Abu al-Hussin al-Qadiri menyebut dalam kitabnya, bahawa: Tegahan dari bertawassul jenis ini bukan disebut oleh seorang sahaja bahkan oleh ramai dari sahabat-sahabat Imam Abu Hanifah (yakni mereka menolak **tawassul** dengan hak dan *jah* ini).²

1. Dr. Ahmad Atiyyah al-Zahrani, *op.cit.*, hlm. 336-337.
2. *Ibid.*

3. Selain itu Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab turut menolak dalil-dalil yang dipegang oleh golongan yang mengharuskan bertawassul dengan *jah* dan pangkat kedudukan seseorang dengan mengemukakan pendapat Ibn Taimiyyah. Ibn Taimiyyah menyebut ada setengah golongan mengharuskan tawassul jenis ini, mereka mengemukakan dalil-dalil hadith dan *athar-athar* dari beberapa orang *salafus al-salleh*. Tetapi (bagi Ibn Taimiyyah) semua hadith yang dibawa oleh mereka adalah daif bahkan ada yang *maudu'* (palsu), tidak ada hadith yang *sabit* dari Rasulullah s.a.w. yang boleh dijadikan hujah kecuali hadis lelaki buta dan hadith Saidina Umar memohon hujan. Walaupun begitu bagi Ibn Taimiyyah, kedua-dua hadith itu tidak boleh dijadikan hujah bagi membolehkan *bertawassul* dengan *jah* dan hak nabi s.a.w. bahkan hadith itu sebenarnya menjelaskan mengenai *tawassul* dengan doa nabil¹ dan Abbas yang masih hidup.

1. Lihat Dr. Ahmad Atiyyah al-Zahrani, *op.cit.*, hlm. 341.

Hadith lelaki buta diriwayatkan oleh Uthman bin Hanif, beliau berkata, seorang lelaki buta datang berjumpa nabi s.a.w. dan berkata kepadanya, "(Wahai Rasulullah s.a.w.) doakan kepada Allah untukku supaya aku sihat (sembuh butaku)", Rasulullah s.a.w. menjawab, "Jika kamu mahu, aku doakan dan jika kamu bersabar maka itu lebih baik bagi kamu, dan sekiranya kamu mahu juga aku doakan untukmu." Lelaki itu menjawab, "Doakan untukku." Lalu Rasulullah menyuruh dia mengambil wuduk dengan baik dan bersembahyang sunat dua rakaat, lepas itu disuruh supaya berdoa dengan doa ini."

Ertinya:

Wahai Tuhan ku, aku memohon dariMu dan aku menumpukan harapan kepadaMu dengan perantaraan Nabi Muhammad nabi yang membawa rahmat, wahai Nabi Muhammad sesungguhnya aku menghadapkan (permohonan) dengan perantaraanMu kepada Tuhanku untuk hajatku ini (bagi menyembuhkan buta), semogaMu (wahai Allah) menerima permohonanku, wahai Tuhanku, semoga Muhammad s.a.w. mensyafaatkan kepadaku."¹

Setelah dilakukan suruhan nabi itu, akhirnya lelaki buta itu dapat melihat.

1. Abu Abdullah Muhammad Ibn Yazid Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, jid. 1, Tahqiq; Muhammad Fuad Abd al-Baqi, Matbaah al-Halabi, t.t., hlm. 441.

Golongan yang mengharuskan bertawassul dengan *jah* dan hak seseorang mengatakan dari doa yang diajar oleh Rasulullah s.a.w., "Wahai Tuhanaku aku memohon dariMu dan aku mengharapkan kepadaMu dengan perantaraan Muhammad nabi pembawa rahmat." Sebagai dalil harusnya bertawassul dengan *jah* nabi s.a.w. sedangkan hadith ini - mengikut Ibn Taimiyyah dan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab menjelaskan harus bertawassul dengan doa nabi s.a.w. bukan dengan *jah*, ini dapat difaham dari beberapa tempat. Pertama dari permohonan lelaki buta itu sendiri dengan katanya, "Wahai Rasulullah doakanlah kepada Allah untukku supaya sembuh butaku." Dan keduanya dapat difaham dari jawapan Rasulullah s.a.w. yang berkata, "Jika kamu mahu aku doakan dan jika kamu bersabar maka itu lebih baik bagi kamu dan jikalau kamu mahu juga, aku doakan untukmu." Mendengar kata-kata Rasulullah itu lelaki tersebut menegaskan supaya baginda doakan kepadanya dengan berkata, "Doakan untukku (wahai Rasulullah)." Lepas itu Rasulullah menyuruh beliau ambil wuduk, bersembahyang sunat dua rakaat dan berdoa kepada Allah dengan *syufaat* Rasulullah, supaya Allah menyembuhkan penglihatan matanya. Selepas lelaki itu menunaikan apa yang disuruh oleh baginda, akhirnya mata beliau dapat melihat.¹

1. Muhammad Nasiruddin al-Albani, *Al-Tawassul Anwaruhu wa Ahkamuhi*, cet. 2, t.pen, 1397H, hlm. 71-72.

Ibn Taimiyyah dan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab menolak hujah golongan yang mengharuskan **bertawassul** dengan **jah** dan hak seseorang dengan katanya: Hadith lelaki buta (di atas) tidak boleh dijadikan hujah dan dalil kepada mereka, kerana hadith ini menjelaskan mengenai **tawassul** dengan doa nabi s.a.w. dan **syafaatnya** (bukan dengan **jah** dan pangkat baginda). Lelaki itu memohon supaya nabi s.a.w. tolong berdoa kepada Allah sembahukan butanya lalu Rasulullah mengajar dia supaya berkata, " ﷺ " (wahai Tuhanku semoga Muhammad mensyafaatkan kepadaku).

Setelah Rasulullah turut berdoa kepadanya, Allah menyembuhkan butanya, ini merupakan salah satu kelebihan Nabi Muhammad s.a.w.¹

Adapun hadith Saidina Umar, beliau berdoa dan **bertawassul** dengan Abbas yang masih hidup, bukan dengan **jah** nabi s.a.w. Dalam doa itu Abbas berkata:²

Ertinya:

Wahai Tuhan kami dahulu (sewaktu baginda masih hidup) kami **bertawassul** memohon sesuatu kepada

-
1. Dr. Ahmad Atiyyah al-Zahrani, *op.cit.*, hlm. 342.
 2. Ibn Hajar al-Asqalami, *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*, jld. 2, Dar al-Fikr, t.t., hlm. 494.

Engkau dengan melalui nabi kami (Muhammad s.a.w.) maka Engkau menurunkan hujan kepada kami dan sekarang kami bertawassul memohon kepada Engkau dengan melalui bapa saudara nabi kami (Abbas) maka, turunkanlah hujan kepada kami. Selepas itu hujan pun turun.

Hadith ini mengikut Ibn Taimiyah, dan Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab adalah dalil harus bertawassul dengan doa dan *syufaat* nabi s.a.w. bukan dengan zat dan *jah* baginda kerana kalau boleh dengan zat (atau *jah* dan hak nabi) tentulah Umar dan sahabat-sahabat lain yang terdiri dari golongan Muhajirin dan Ansar terus memohon dan meminta dari nabi tidak dari Abbas.¹

Dari hadith di atas jelaslah bahawa Saidina Umar bertawassul (berdoa) dengan melalui Abbas bukan dengan *jah* nabi. Abbas sendiri turut berdoa bersama sebagaimana ada disebut dalam hadith lain, Abbas berkata:²

اللَّهُمَّ إِنَّمَا مَا يَرَلُ بَلَاءٌ إِلَّا بِذَنْبٍ وَلَمْ يَكْشِفَ الْأَبْتُوْبَةُ وَقَدْ تَوَجَّهَ الْقَوْمُ إِلَيْكَ بِمَا كَانُوا بَنِيَّكَ وَهَذِهِ أَيْدِينَا إِلَيْكَ بِالذُّنُوبِ وَنَوَاصِنَا إِلَيْكَ بِالْتَّرَبَةِ فَأَسْقِنَا الْغَيْثَ .

-
1. Dr. Ahmad Atiyyah al-Zahrani, *op.cit.*, hlm. 347.
 2. Ibn Hajar al-Asqalami, *op.cit.*, jid. 2, hlm. 497.

Ertinya:

Wahai Tuhanku, sesungguhnya tidak turun bala bencana kecuali dengan dosa, dan tidak terlepas (dari bala bencana) kecuali dengan bertaubat, orang menghalakan harapan memohon kepadaMu (wahai Tuhan) melalui aku kerana kedudukan aku dengan nabiMu, ini tangan-tangan kami (memohon) kepadaMu dengan dosa-dosa dan ubun-ubun (hadapan kepala) kami (menumpukan) kepadaMu dengan taubat, oleh itu turunkan hujan kepada kami.

Lepas berdoa , hujan pun turun. Jadi mengikut Ibn Taimiyyah dan Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab bahawa hadith di atas bukan **bertawassul** dengan **zat** atau **jah** nabi dan tidak dengan **zat** atau **jah** Abbas, tetapi **bertawassul** dengan doa nabi dan doa Abbas yang kedua-duanya masih hidup.

Dari ulasan dan petikan pendapat ramai ulama pengikut Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan pendapat beliau sendiri jelaslah bahawa beliau tidak mengharuskan **bertawassul** dengan **zat**, **jah** dan hak seseorang samada orang itu Nabi Muhammad s.a.w. atau orang-orang soleh dan wali yang telah mati kerana tidak ada dalil yang kuat yang boleh menyokongnya.

Walaupun ada ulama yang mengharuskan **bertawassul** dengan orang mati khusus dengan Nabi Muhammad, tetapi beliau tetap menolaknya. Dia lebih yakin bahawa hujah

yang dikemukakan oleh Ibn Taimiyyah dan oleh beliau sendiri lebih kuat. Sebab itu beliau dan pengikut-pengikutnya menegaskan **tawassul** tersebut adalah digolongkan dari **tawassul** bid'ah yang tercela sebab tidak ada hadith yang sahih, tambahan pula tidak dilakukan oleh sahabat baginda s.a.w. dan tabiin. Walaupun begitu bagi orang yang mahu menerima **tawassul** ini, beliau tidak menganggap itu satu perkara syirik.

D. SYAFAAAT DAN JENIS-JENISNYA

(a) Pendahuluan

Salah satu perkara yang diambil berat oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab ialah perkara **syafaat**. Ini kerana di zamannya ramai orang menganggap para wali atau orang-orang soleh yang mati boleh memberi **syafaat** kepada orang yang memohon atau meminta sesuatu darinya. Sebab itu di zaman beliau ramai orang datang ke kubur para wali yang dikatakan kubur keramat untuk memohon sesuatu darinya seperti mereka datang ke kubur Zaid bin al-Khattab (saudara Umar Ibn al-Khattab) memohon **syafaat** darinya¹ dan lain-lain lagi.

Sebenarnya **syafaat** merupakan salah satu tajuk penting dalam pengajian akidah Islam, ia adalah salah satu perkara **Samiyyat** yang wajib dipercayai oleh setiap muslim, **syafaat** yang dimaksudkan itu ialah **syafaat** di akhirat, sama ada **syafaat al-Uzma** yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. kepada umatnya setelah mendapat izin daripada Allah Taala, juga syafaat dari ibubapa, para malaikat dan lain-lain lagi yang Allah izinkan kepada

1. Telah disebut perkara ini di awal tesis ini.

mereka melakukkannya.¹

Di bawah ini dijelaskan pengertian syafaat, jenis-jenisnya mengikut pandangan Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab.

(b) **Ertinya Syafaat**

Dari segi bahasa **syafaat** (شفاعة) berasal dari perkataan (الشفع), lawan kepada **al-Witru** (الور) yang bermaksud dua benda atau sepasang, lawan kepada satu dan tunggal.²

Manakala pada istilah, **syafaat** ialah meminta dari orang lain supaya memberi sesuatu manfaat dan pertolongan kebaikan kepada orang yang meminta atau supaya menolong melepas atau menolak sesuatu bala yang menimpa.³

-
1. Akan disebut di akhir bahagian ini nanti.
 2. Ibn al-Manzur, *Lisan al-Arab*, jld. 8, Dar Sadir, Beirut, t.t. hlm. 183.
 3. Hassan Muhammad Ayyub, *Tabsit al-'Aqaid al-Islamiyyah*, Maktabah al-Thaqafah al-Arabiyyah, Kuwait, 1971, hlm. 202.

(c) Jenis Syafaat

Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab membahagikan *syafaat* kepada dua bahagian. Pertama; *syafaat* yang *diisbatkan* (diharuskan) dan kedua; *syafaat* yang dinafikan (tidak diharuskan).¹ Di bawah ini dijelaskan kedua-dua jenis *syafaat* tersebut dengan lebih jelas.

a. Syafaat Yang Diisbatkan (Diharuskan)

Syafaat ini ialah *syafaat* yang ada disebut di dalam al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. iaitu *syafaat* oleh orang-orang tertentu yang dibenarkan dan diizinkan oleh Allah s.w.t. seperti *syafaat* para malaikat, *syafaat* para rasul khususnya Nabi Muhammad s.a.w., para syuhada' dan para wali.² Allah berfirman:³

من ذا الذي يشفع عنده الا باذنه

-
1. Muhammad Ibn Abd. Wahhab, *al-Usul al-Thalathah Wa Adillatuhu*, Dar al-'Ifta', Riyadh, hlm. 39, Dr. Muhammad bin Abdullah al-Salman, *op.cit.*, hlm. 47, Dr. Ahmad Atiyyah al-Zahrani, *op.cit.*, hlm. 354.
 2. Abd Salam Ibrahim al-Maliki, *Syarh Abd Salam Li Jauharah al-Tawhid Li al-Imam al-Laqani*, cet. terakhir, Maktabah Dar al-Maarif, Pulau Pinang, 1948, hlm. 153.
 3. Surah al-Baqarah, ayat 255.

Ertinya:

Tiada yang dapat memberi **syafaat** di sisi Allah melainkan dengan izinNya.

Dan firmanNya lagi:¹

وَكُمْ مِنْ مُلْكٍ فِي السَّمَاوَاتِ لَا تَغْنِي شَفَاعَتَهُمْ شَيْئًا إِلَّا مِنْ بَعْدِ
أَنْ يَأْذِنَ اللَّهُ لِمَنْ يَشَاءُ وَيَرْضِي

Ertinya:

Dan beberapa banyak malaikat di langit bahawa **syafaat** mereka tidak berguna kecuali sesudah Allah mengizinkan bagi orang yang dikehendaki dan diredhaiNya.

Mengikut Muhammad Ibn Abd al-Wahhab hak memberi **syafaat** kepada seseorang adalah hak Allah. Oleh itu seseorang tertentu samada nabi atau orang-orang wali tidak boleh memberi **syafaat** kepada seseorang kecuali dibenarkan oleh Allah s.w.t.

Dalam "*Kitab Kasyf al-Syubhat*" beliau menyebut:

"Seseorang tidak boleh memberi **syafaat** kepada orang lain kecuali diizinkan oleh Allah s.w.t. untuk memberi **syafaat**, dan Allah tidak mengizinkan (membenarkan) kecuali

1. Surah al-Najm, ayat 26.

kepada ahli tauhid (yang beriman dengan betul). Dari sini jelas **syafaat** kesemuanya kepunyaan Allah, oleh itu mintalah dariNya seperti memohon; wahai Tuhanku jangan menegahkan aku dari **syafaat** Nabi Mu atau seumpamanya."¹

Beliau juga ada menyebut, **syafaat** adalah benar. Walaupun begitu jangan diminta **syafaat** di dunia ini sebab **syafaat** boleh berlaku sewaktu di akhirat. Ketua **syafaat** ialah Nabi Muhammad s.a.w. Selain itu **syafaat** juga boleh diberi oleh orang-orang lain selain dari Nabi Muhammad seperti para malaikat, nabi-nabi, para wali, dan kanak-kanak dengan mendapat keizinan Allah. Ini ada disebut dalam al-Quran dan hadith saihh, tetapi semua ini tidak berlaku kecuali setelah diizinkan oleh Allah dan diredhaiNya. Walaupun begitu kita mesti memohon **syafaat** tersebut dari Allah supaya Allah membenarkan kepada mereka keizinan untuk **syafaat** tersebut.¹

Dari keterangan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab di atas jelas bahawa **syafaat** yang *diisbatkan* (yang diharuskan) mestilah ada dua syarat penting iaitu:

-
1. Dr. Ahmad Atiyyah al-Zahrani, *op.cit.*, hlm. 360. Lihat Shaykh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab, *Kasyf al-Syubuhat*, dalam *Mualafat al-Shaykh al-Imam Muhammad Ibn Abd al-Wahhab*, jld. 1, hlm. 165.
 2. *Ibid.*, hlm. 166

Pertama: kebenaran dan keizinan daripada Allah kepada *syafi'* (orang yang hendak memberi *syafaat*) seperti nabi, para wali, anak-anak dan seumpamanya kerana Allah berfirman:¹

مِنْ ذَا الَّذِي يُشَفَّعُ عَنْهُ إِلَّا بِأَذْنِهِ

Ertinya:

Tidak ada yang dapat memberi *syafaat* di sisi Allah kecuali mendapat keizinanNya.

Sebab itu orang yang tidak diizinkan tidak layak untuk mensyafaatkan orang lain. Umpamanya orang kafir tidak diizinkan untuk mensyafaatkan. Sebagaimana Allah berfirman:²

وَيَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يُضْرِبُهُمْ وَلَا يَنْقُعُهُمْ وَيَقُولُونَ هُؤُلَاءِ شَفَاعَتْنَا عَنْنَا اللَّهُ

Ertinya:

Dan mereka (orang kafir) menyembah selain daripada Allah benda yang tidak boleh memberi kemudharatan kepada mereka dan tidak boleh mendatangkan manfaat dan mereka berkata, "Mereka itu adalah orang yang memberi *syafaat* kepada kami di sini Allah."

-
1. Surah al-Baqarah, ayat 255.
 2. Surah Yunus, ayat 18.

Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab menyebut dalam ayat di atas Allah menjelaskan bahawa sesiapa yang menjadikan seseorang tertentu atau sesuatu benda itu sebagai perantaraan di antara dia dengan Allah, untuk meminta sesuatu **syafaat**, maka perbuatan sedemikian dianggap orang itu telah menyembah benda lain selain daripada Allah dan mensyirikkan Allah dengan sesuatu. Ini memang dikutuk oleh Allah, kerana **syafaat** hanya hak Allah yang Esa dan diberi kepada orang yang diizikan sahaja.¹

Syarat kedua; hendaklah orang yang hendak disyafaatkan atau di **Masyfu'lah** itu mendapat keredhaan dari Allah iaitu ia hendaklah orang Islam yang mentauhidkan Allah dengan sebenar. Allah berfirman:²

وَلَا يَشْفَعُونَ إِلَّا مَنْ أَرْضَى

Ertinya:

Dan mereka tidak boleh memberi **syafaat** melainkan kepada orang yang diredhai oleh Allah.

Orang yang diredhai Allah hanyalah orang Islam yang beriman kepada Allah. Jadi jika orang yang hendak disyafaatkan itu orang kafir, munafik dan seumpamanya

1. Dr. Ahmad Attiyyah al-Zahrani, *op.cit.*, hlm. 357,
Dr. Muhammad Abdullah al-Salman, *op.cit.*, hlm. 47.

2. Surah al-Anbiya', ayat 28.

dari golongan orang yang tidak diredhai oleh Allah, tidak ada harapan langsung untuk mendapat **syafaat** dari **syafi'**.

Di sini jelas antara **syafaat** yang dikira harus oleh Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab dan pengikut-pengikutnya juga yang diharuskan oleh ulama **salafus-al-Salleh** ialah **syafaat** para anbiya' a.s. khususnya Nabi Muhammad, **syafaat** para malaikat, para wali dan kanak-kanak khususnya **syafaat** anak kepada kedua ibubapa. Jenis **syafaat** tersebut di atas ada dijelaskan oleh al-Quran dan hadith sahih. **Syafaat** dari mereka ini kesemuanya dapat berlaku setelah mendapat keizinan dari Allah dan diredhainya.¹

i. Syafaat Rasulullah s.a.w.

Mengikut penjelasan cucu Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan ulama pengikutnya, **syafaat** yang diizinkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad ada beberapa jenis iaitu:²

-
1. Dr. Muhammad Abdullah al-Salman, *op.cit.*, hlm. 47.
 2. *Ibid*, hlm. 48. Shaykh Sulaiman Ibn Abdullah Ibn Muhammad, *Taisir al-Aziz al-Hamid fi Kitab Tawhid*, cet. 4, Maktabah al-Islam, 1400H, hlm. 366, Dr. Ahmad Atiyyah al-Zahrani, *op.cit.*, hlm. 366.

(a) *Syafaat al-'Uzma* (*syafaat* besar), iaitu *syafaat* Nabi Muhammad s.a.w. kepada umat manusia di padang mahsyar setelah nabi-nabi *Ulul al-Azmi* yang lain tidak sanggup melakukannya. Sewaktu manusia berada dalam kedahsyatan hura-hara di Padang Masyar dan penderitaan lama menunggu perbicaraan yang dihakimi oleh Allah yang Maha Adil, baginda memohon *syafaat* atau pertolongan kepada Allah supaya mahkamah perbicaraan segera dibuka oleh Allah s.a.w., sedangkan rasul-rasul yang lain semuanya tidak sanggup membuat demikian.

Tidak ada seorang nabi pada hari itu mulai Nabi Adam a.s. sehingga Nabi Isa a.s. kesemuanya berada di bawah panji-panji baginda s.a.w. dan bagindalah nabi yang mula-mula memohon *syafaat* dan yang mula-mula diterima *syafaatnya*. Ini diterangkan oleh banyak hadith, antaranya hadith yang diriwayat oleh Abu Said al-Khudri:¹

1. Lihat hadith Imam Jalaluddin al-Suyuti, *op.cit.*, jld. 1, hlm. 107.

Hadith menyebut bahawa penghuni padang Mahsyar datang kepada nabi Adam, Nuh, Ibrahim, Musa dan Isa a.s. meminta daripada mereka supaya memohon **syafaat** daripada Allah, tetapi semuanya menolak, akhirnya mereka pergi jumpa Nabi Muhammad s.a.w, kemudian nabi s.a.w. sujud kepada Allah dan memohon keizinan untuk **syafaat**, akhirnya Allah membenarkan kepada baginda syafaat tersebut.

Selain daripada hadith di atas, banyak lagi hadith lain yang menjelaskan mengenai **syafaat al-Uzma** Rasulullah s.a.w. diriwayatkan oleh ramai para sahabat sehingga menjadi mutawatir.¹

- (b) Selain dari **syafaat al-Uzma** ini, baginda juga memberi **syafaat** kepada umat manusia yang sama berat antara dosa dan pahala untuk membolehkan mereka dimasukkan ke dalam syurga.
- (c) **Syafaat** baginda Nabi Muhammad s.a.w. kepada umat Islam yang sepatutnya masuk neraka tetapi diselamatkan dan dimasukkan ke dalam syurga.

1. *Ibid.*

- (d) **Syafaat** Nabi Muhammad s.a.w. bagi menaikkan darjat seorang yang masuk syurga ke darjat yang lebih tinggi dari kadar yang sepatutnya.
- (e) **Syafaat** Nabi Muhammad s.a.w. kepada umat manusia sehingga mereka dapat masuk syurga tanpa hisab.
- (f) **Syafaat** khusus dari Nabi Muhammad s.a.w. kepada bapa saudaranya Abu Talib bagi meringankan seksaannya.
- (g) **Syafaat** Nabi Muhammad s.a.w. kepada pelaku dosa-dosa besar dari umatnya yang masuk neraka supaya dapat keluar dari neraka dan dimasukkan ke dalam syurga.
- (h) **Syafaat** Nabi Muhammad s.a.w kepada semua orang mukmin melayakkan mereka masuk syurga.¹

1. Ibn Abd al-'Izz, *Syarh al-Aqidah al-Tahawiyyah*, cet. 1, Tahqiq oleh Jamaah min al-Ulama', al-Maktab al-Islami, 1392H., hlm. 253-258.

Demikianlah beberapa jenis **syafaat** yang diizinkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. yang sabit dalam hadith sahih dan diterima oleh Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab dan pengikutnya juga yang diterima oleh ulama-ulama ahli Sunnah Wa al-Jamaah yang lain. Selain daripada itu ada lagi **syafaat** lain seperti **syafaat** dari para nabi lain, para malaikat, para wali dan kanak-kanak.

Anak beliau Abdullah bin Muhammad ada menyebut mengenai **syafaat** di atas katanya:

"Kami mengisbatkan hak **syafaat** kepada nabi kita Muhammad s.a.w. di akhirat sebagaimana yang diriwayatkan (oleh hadith), juga kami mengisbatkan hak **syafaat** kepada nabi-nabi yang lain, kepada para malaikat, para wali dan kanak-kanak seperti yang diriwayatkan, kerana itu kami memohon dari Allah yang memiliki **syafaat** dengan berdoa, "Wahai Tuhan ku berikanlah kepada Nabi Muhammad supaya mensyafaatkan kami di hari kiamat" atau kami berdoa, "Wahai Tuhanku **syafaatkanlah** kami oleh hamba-hambaMu yang salleh atau oleh malaikatMu atau oleh orang-orang yang Engkau izinkan." Kami tidak pernah berkata sewaktu memohon syafaat, "Wahai Rasulullah" atau "Wahai Wali Allah, aku memohon darimu **syafaat**" atau "tolonglah aku" atau "**Syafaatkanlah** aku" atau "tolonglah aku dalam melawan musuh" atau lain-lain permohonan lagi yang tidak kuasa melakukan perkara itu melainkan Allah s.w.t.¹

1. Abd Aziz Ibn Muhammad Ibn Ali al-Abd al-Latif,
op.cit., hlm. 290.

Selain itu **syafaat** Rasulullah s.a.w. akan diperolehi dengan selalu menjawab azan sewaktu mendengar azan dan berdoa selepas itu dengan doa yang diajar oleh Rasulullah s.a.w. Ini kerana baginda ada bersabda, orang yang menjawab azan dan berdoa dengan doa yang disuruh oleh baginda, orang itu akan mendapat **syafaat** Rasulullah s.a.w.¹

Walaupun Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan pengikut-pengikutnya mengiktiraf **syafaat** Rasulullah s.a.w. di akhirat tetapi musuh-musuh beliau membuat tuduhan dengan mengatakan beliau dan pengikutnya tidak menerima **syafaat** Rasulullah s.a.w.² Ini satu tuduhan karut yang dilemparkan oleh musuh-musuhnya. Beliau telah menjawab tuduhan itu dengan berkata:

"Ada orang menyangka bahawa kami mengingkari (tidak menerima) **syafaat** Rasulullah s.a.w., itu adalah satu tuduhan karut yang besar, kami naik saksi dan mengaku bahawa Rasulullah s.a.w. adalah seorang **syafi'** (yang memberi **syafaat**) yang mempunyai makam yang terpuji, (kerana itu) kami memohon dari Allah, Tuhan yang memiliki **Arasy** yang besar, semoga .

-
1. Al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani, *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*, cet. 1, Ta'liq: Safwu al-Rahman al-Mubarakfuri, Dar al-Salam, Riyadh, 1992/1413, hlm. 62.
 2. Abd Aziz Ibn Muhammad Ibn Ali al-Abd al-Latif, *op.cit.*, hlm. 278.

memberi kepada Nabi Muhammad s.a.w. hak **syafaat** kepada kami, dan membangkitkan kami di bawah panjinya. Inilah dia akidah kami dan ini juga yang dipegang oleh **salafus-al-salleh** yang sangat kasih dan sayang kepada nabi dan mereka orang yang kuat mengikut syariat nabinya."¹

Syeikh Abd. Aziz bin Baz, seorang ulama besar di Arab Saudi sekarang ini dan pernah dilantik menjadi naib canselor Universiti Islam di Madinah al-Munawarah satu masa dahulu apabila ditanya, adakah benar orang-orang **wahabbi** menolak dan mengingkari **syafaat** Rasulullah s.a.w.? Beliau menjawab katanya:

"Bagi orang yang berakal yang mengkaji sejarah Imam Shaykh Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab dan pengikutnya mereka akan dapat golongan **wahhabi** bersih dari tuduhan itu kerana Imam Syeikh Muhammad **rahimatullah** telah menyebut dalam banyak kitabnya terutama kitab "**Tawhid**" dan "**Kasyf al-Syubuhat**" mengenai **syafaat** Rasulullah s.a.w. kepada umatnya di hari kiamat. Dari sini fahamlah bahawa Shaykh Muhammad dan pengikutnya tidak mengingkari **syafaat** Rasulullah s.a.w., juga **syafaat** nabi-nabi lain, **syafaat** para malaikat, dan orang-orang mukmin bahkan **diisbatkan** **syafaat** mereka sebagaimana **diisbatkan** oleh Allah

1. *Ibid.*, hlm. 288.

dan RasulNya dan diterima oleh para **salafus al-salleh** dengan berasaskan al-Quran dan hadith. Dari sini jelaslah bahawa apa yang dikatakan Shaykh Muhammad dan pengikutnya mengingkari **syafaat** Nabi Muhammad s.a.w. adalah satu kebatilan dan karut. Apa yang sebenarnya Shaykh Muhammad **rahmatullah** dan pengikutnya mengingkari (menengah) memohon **syafaat** dari orang-orang mati dan seumpamanya.¹

Dari sini jelaslah bahawa Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan pengikutnya percaya **syafaat** oleh para nabi khususnya Nabi Muhammad s.a.w, para malaikat, para wali dan lain-lain, tetapi **syafaat** ini akan berlaku di akhirat. Adapun memohon **syafaat** di dunia beliau menolaknya, sebagaimana akan diterangkan di bawah ini.

b. **Syafaat Yang Diharamkan (Yang Tidak Disyariatkan)**

Bagi Muhammad Ibn. Abd. al-Wahhab, **syafaat** yang diharamkan atau ditegah ialah meminta atau memohon sesuatu hajat dan keperluan sewaktu di dunia ini kepada roh orang mati seperti roh para wali dan lain-lain lagi, atau meminta **syafaat** dan memohon sesuatu yang tidak kuasa melakukan perkara itu kecuali Allah, tiba-tiba diminta dari manusia atau sebagainya.²

1. *Ibid.*, hlm. 300.

2. Dr. Ahmad Atiyyah al-Zahrani, *op.cit.*, hlm. 354.

Memohon **syafaat** seperti ini dikira sebahagian daripada amalan syirik sepetimana yang diterangkan oleh Syeikh Abd. Aziz bin Baz di akhir jawapan beliau sebelum ini.

Abd. Rahman bin Hassan bin Ali seorang ulama pengikut Muhammad Ibn Abd al-Wahhab ada menyebut:

"Tidak syak lagi bahawa meminta **syafaat** dengan orang mati mengandungi berbagai-bagi jenis ibadat yang sepatutnya mesti diberi kepada Allah, termasuk memohon atau berdoa kepada selain dari Allah mengharap sesuatu tidak pada Allah dan lain-lain jenis ibadat lagi tidak diberi kepada Allah, maka ini adalah sebahagian dari perkara syirik yang dosanya tidak diampun oleh Allah¹ (kerana perkara-perkara itu perkara ibadat, tiba-tiba diberi kepada selain dari Allah).

Bahkan ada dari kalangan ulama mereka menganggap kalau seseorang memohon sesuatu dari roh orang mati seperti roh para wali, hukumnya sama dengan cara permohonan yang dilakukan oleh setengah orang Kristian, ia haram dilakukan kerana boleh menjadi syirik, katanya:

"Kalau seseorang itu memohon sesuatu dengan katanya, "Wahai wali Allah **syafaatkanlah** kepada ku." Maka

1. Abd Aziz Ibn Muhammad Ibn Ali al-Abd al-Latif,
op.cit., hlm. 294.

permohonan itu adalah haram dan meminta **syafaat** dari mereka (wali-wali) seperti itu samalah dengan orang Kristian yang memohon daripada Ibu Nabi Isa a.s. dengan berkata "Wahai Ibu Tuhan **syafaatkanlah** kami dengan memohon kepada Tuhan Bapa (Allah)." Permohonan sebegini ulama telah ijmak mengatakan ia syirik, dan jika seseorang memohon dari wali tersebut dengan keyakinan bahawa mereka dapat memberi kesan (ada kuasa memberi sesuatu yang diminta) selain dari Allah, maka itu menjadi syirik lebih besar dan berbahaya."¹

Seorang lagi ulama pengikut beliau Syeikh Ibn Sahman sewaktu orang bertanya benarkah **wahhabi** menganggap memohon **syafaat** dari Allah dengan perantaraan nabi selepas baginda wafat dianggap kafir, sedangkan ijmak ulama mengharuskannya. Syeikh itu menjawab:

"Kalau sekiranya memohon **syafaat** dari Nabi Muhammad s.a.w. dengan berkata, "Wahai Tuhanku, aku memohon dariMu dengan perantaraan jah Muhammad atau dengan haknya atau dengan kehormatannya." Maka permohonan tersebut tergolong dari jenis **tawassul** bid'ah yang ditegah, permohonan atau meminta **syafaat** seperti ini golongan **wahhabi** tidak menganggap kafir (murtad) orang yang melakukannya (kerana ia **tawassul** bid'ah yang ada ulama mengharuskannya)."²

1. *Ibid.*, hlm. 296.

2. *Ibid.*, hlm. 297 dan telah dijelaskan sebelum ini.

"Kalau sekiranya memohon **syafaat** dari nabi dengan cara berdoa meminta sesuatu kepadanya (tidak kepada Allah) seperti seseorang itu berkata dalam permohonannya, "Wahai Rasulullah s.a.w. tolonglah aku" atau "Wahai Rasulullah bantulah aku" atau memohon sesuatu terus darinya (tidak dari Allah) atau memohon dan meminta dari nabi sesuatu yang tidak kuasa melakukan perkara itu kecuali Allah juga. Maka permohonan **syafaat** seperti ini ada disebut dalam kitab **"al-Iqna"** (الْقَنْاعُ) salah satu kitab mazhab Hanbali, bahawa sesiapa yang menjadikan sesuatu sebagai perantaraan di antara dia dengan Allah lalu dia memohon kepada perantaraan itu sesuatu atau bertawakkal kepadanya maka perbuatan itu menjadi kafir orang yang melakukannya sebagaimana ijmak ulama."¹

Kemudian dia menambah lagi katanya:

"Dakwaan mengatakan ijmak ulama mengharuskan permohonan **syafaat** dengan Nabi Muhammad s.a.w. selepas wafatnya sebagaimana yang disebut dalam soalan di atas, itu hanya satu dakwaan yang tidak berasaskan kepada sebarang dalil bahkan itu adalah ijmak dari penyembahan-penyembahan kubur, sedangkan mereka bukan orang Islam yang sebenarnya."²

-
1. *Ibid.*
 2. *Ibid.*

Selain itu pada tahun 1185H. dan tahun 1211H. telah berlaku **mazakarah** di antara ulama pengikut Muhammad Ibn Abd al-Wahhab, dengan ulama-ulama yang masih tidak menerima dakwaannya. **Muzakarah** tersebut membincangkan khusus mengenai **tawassul** dan meminta **syafaat** dari para wali. Dalam **muzakarah** pertama tahun 1185H., seorang wakil ulama Najd yang menyokong ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab menjawab dengan mengatakan:

"Meminta doa dari orang-orang soleh dan memohon **syafaat** dari mereka juga memohon pertolongan (*istighathah*) dari mereka bagi melepaskan bala bencana yang menimpa maka imam-imam mazhab dan ulama-ulamanya telah membuat ketetapan bahawa perkara itu sebahagian dari amalan syirik.¹

Manakala dalam **muzakarah** yang kedua tahun 1211H. apabila seorang wakil ulama Mekkah bertanya ulama Najd Syeikh Hamad bin Nasir dengan katanya:

"Apakah pendapat kamu tentang orang berdoa memohon dari nabi atau wali dan meminta pertolongan dengannya bagi melepaskan bala bencana yang menimpa seperti orang itu berkata, "Wahai Rasulullah s.a.w." atau "Wahai Ibn Abbas" atau "Wahai kekasih" atau memohon dari wali-wali dan orang-orang soleh yang lain lagi?"

1. Dr. Munir al-Ajlani, *op.cit.*, jid. 1, hlm. 274.

E. SIKAP BELIAU MENGENAI MASALAH MENGKAFIR
ORANG LAIN

(a) Pendahuluan

Setelah Muhammad Ibn Abd al-Wahhab yakin ajarannya betul dan benar bersumberkan ajaran al-Quran dan Sunnah seperti yang dipegang oleh golongan *salafus al-saleh*, beliau terus menjalankan dakwah. Pada mulanya bersama Amir Othman di Diriyyah, kemudian bersama Amir Muhammad Ibn Saud di Uyainah dengan melalui beberapa cara dan *wasilah*; dengan cara mengajar, memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada orang ramai di rumah dan masjid-masjid, dengan mengadakan kelas-kelas pengajian bagi menerangkan ajaran Islam dan buah fikirannya. Selain itu beliau menyampaikan ajaran dakwahnya melalui syarahan-syarahan yang disampaikan sesuai dengan masa dan suasana juga pernah beliau berdakwah dengan melalui tulisan dan dihantarkan kepada ulama-ulama yang meragui dan menganggap ajarannya salah dan menyeleweng. Melalui surat-surat dakwah itu beliau menyebut tuduhan-tuduhan yang dilemparkan kepadanya, serta menjawab tuduhan-tuduhan tersebut dengan jelas. Di waktu-waktu yang lain pula beliau *bermuzakarah* dengan ulama-ulama dari berbagai tempat yang tidak puas hati dan curiga terhadap ajarannya juga beliau mengambil kesempatan menulis buku-

buku kecil dan ringkas di samping mengarang kitab-kitab dalam berbagai bidang¹ khususnya dalam bidang tauhid sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini.

Setelah segala cara dan usul di atas telah dilakukan tetapi masih tidak berjaya dan musuh dakwahnya semakin ramai - walaupun ramai juga yang mengikutnya - beliau terpaksa menggunakan kuasanya dengan melakukan jihad bersenjata atau peperangan terutama bagi mempertahankan diri dan dakwahnya. Di samping untuk melahirkan keadaan sekitar yang sesuai bagi mengawal dakwah dan pengikut-pengikutnya dari diancam atau diganggu oleh musuh-musuhnya juga supaya ajarannya dapat disebar ke kawasan-kawasan lain yang lebih luas dan untuk membentuk sebuah negara Islam yang percaya kepada kesyumulan Islam yang meliputi ajaran akidah, ibadat, syariah dan sistem-sistem hidup yang lain yang semua itu memerlukan kepada kekuasaan demi untuk mengajak orang ramai kepada kebenaran Islam.²

Oleh kerana beliau dan pengikut-pengikutnya menggunakan senjata dan mengistiharkan peperangan terhadap musuh menyebabkan mereka menuduh beliau

-
1. Dr. Muhammad Ibn Abdullah al-Salman, *op.cit.*, hlm. 61.
 2. *Ibid.*, hlm. 62.

mengkafirkan orang ramai yang tidak mengikutnya dan mengistiharkan perang terhadap mereka itu.

(b) **Musuh-musuh Mengatakan Dia Mengkafirkan Orang Ramai**

Apakah benar beliau dan pengikut-pengikutnya mengkafirkan orang lain yang tidak mengikut ajarannya? Dan benarkah beliau mengistiharkan perang terhadap mereka?

Kalau mengikut musuh-musuh beliau dahulu dan sekarang memang mereka menganggap demikian, ini dapat dilihat kepada beberapa pandangan berikut:

Syeikh Abdul Rahman Ibn 'Afaliq salah seorang musuhnya sewaktu memberi jawapan kepada Amir Othman Ibn Muammar menyebut:

"Lelaki ini (Muhammad Ibn Abd al-Wahhab) mengkafirkan orang Islam, bukan itu sahaja, Demi Tuhan bahkan beliau membohongi para Rasul dan menghukumkan rasul-rasul dan umat mereka syirik kepada Allah. Beliau bersumpah dengan nama Allah secara bohong dengan berkata bahawa Yahudi dan orang kafir musyirikin lebih baik keadaannya daripada umat ini

(umat Islam)."¹

Di tempat lain beliau menyebut lagi:

"Aku baca prinsip-prinsip yang di atasnya terbina mazhab kamu, (ajaran Muhammad Abd. al-Wahhab) maka aku dapati kamu mencaci umat ini, kamu cela dan caci ulama-ulamanya dan kamu meruntuh prinsip-prinsip agama Nabi Muhammad s.a.w., bukan itu sahaja bahkan sampai ke peringkat kamu menuduh para sahabat Rasulullah s.a.w. menyeleweng, juga imam-imam mazhab empat pun menyeleweng."²

Syeikh Ali Alwi Ahmad al-Haddad seorang musuh beliau dalam kitabnya menyebut hal yang sama. Katanya:

"Apabila ada mana-mana orang yang ingin masuk agamanya (ajarannya), Muhammad Ibn Abd al-Wahhab berkata kepada orang itu, "Naik saksilah kamu di atas diri kamu bahawa sebelum ini kamu masih kafir, dan naik saksilah kamu ke atas kedua ibubapa kamu bahawa kedua-dua mereka mati dalam keadaan kafir, dan naik saksilah ke atas ulama si anu dan si anu bahawa mereka juga kafir." Kalau orang itu menyaksikan demikian barulah diterima orang itu masuk menjadi pengikut beliau. Kalau

1. Abd. Aziz Ibn. Muhammad Ibn Ali al-Abd al-Latif,
op.cit., hlm. 163.

2. *Ibid.*, hlm. 163-164.

orang itu enggan dia akan dibunuh."¹

Selain itu seorang lagi musuh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab iaitu Othman Ibn Mansur menyebut:

"Allah telah membalakan penduduk Najd dan Semenanjung Tanah Arab keseluruhannya dengan seorang lelaki (Muhammad Ibn Abd al-Wahhab) yang keluar di kalangan mereka dan mengkafirkan umat Islam, ulama dan orang awam serta membunuh (atau memerangi) orang ramai demi mempertahankan ajarannya kecuali orang yang mengikut pendapatnya. Ini dilakukan setelah ada orang (pemerintah) yang membantunya."²

Selain daripada pendapat dan pandangan di atas banyak lagi pendapat lain yang memberi maksud yang sama. Tetapi yang menjadi tanda tanya sekarang ialah apakah kata-kata itu benar dan betul atau semata-mata tuduhan sahaja?

(c) **Sikap Beliau Yang Sebenar**

Kalau dikaji kepada jawapan-jawapan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab sendiri, pendapat anak cucunya juga

-
1. Ibid., hlm. 165, Alwi Ahmad al-Haddad, *Misbah al-Anam wa Jala' al-Zalam*, hlm. 5.
 2. Abd Aziz Ibn Muhammad Ibn Ali al-Abd al-Latif, *op.cit.*, hlm. 166.

jawapan-jawapan ulama pengikutnya dahulu dan sekarang, didapati pendapat-pendapat di atas adalah bohong dan merupakan tuduhan semata-mata. Apa yang disebut di atas adalah tuduhan-tuduhan dari musuh beliau yang sengaja diada-adakan bagi memburuk-burukkan beliau dan ajarannya.

Dr. Muhammad Abdullah al-Salman menyebut, ramai pengkaji dan penulis yang mengkritik dan memburukkan ajaran dan dakwah Muhammad Ibn Abd al-Wahhab antara lain disebabkan mereka tidak merujuk kepada sumber asal ajaran beliau, bahkan diambil dari penulis-penulis yang menjadi musuh atau yang tidak setuju dengannya dan yang sengaja hendak memburuk-burukannya di depan orang ramai.¹

Banyak jawapan telah diberi oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab sendiri. Setelah penulis membuat kajian dengan menyelidik dan membaca tulisan-tulisan beliau dan ulama-ulama pengikutnya juga tulisan-tulisan musuhnya didapati beliau tidak mengkafirkan orang Islam lain dan tidak memerangi mereka tanpa sebab. Apa yang dikatakan beliau mengkafirkan orang lain sebenarnya pada pandangan dan anggapan beliau orang itu telah murtad kerana

1. Dr. Muhammad Abdullah al-Salman, *op.cit.*, hlm. 62.

berlaku syirik kepada Allah, penyelewengan akidah dan seumpamanya dan beliau memerangi mereka itu kerana mereka menentang beliau dan pengikut-pengikutnya dengan menggunakan kekerasan senjata. Dengan itu beliau terpaksa mempertahankan diri dan dakwahnya dengan melakukan serangan balas untuk mempertahankan diri.

Banyak jawapan telah diberi oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab sendiri terhadap tuduhan-tuduhan yang dilemparkan seperti yang disebutkan di atas. Antara jawapannya mengenai perkara ini ialah:

Dalam surat jawapan beliau kepada penduduk Riyadh dan Mamfuhah, sewaktu awal dakwahnya beliau menjelaskan:

"Kamu berkata kami mengkafirkan ramai orang Islam. Sebab apa kamu berkata demikian, (diulanginya dua kali). Sebenarnya kami tidak mengkafirkan orang Islam, kami tidak mengkafirkan seseorang kecuali yang syirik kepada Allah."¹

Dalam surat yang di hantar kepada Muhammad bin 'Iid, seorang lebai di Tharmada' beliau menyebut:

1. Abd Aziz Ibn Zaid al-Rumi dan kawan-kawan, *op.cit.*, jid. 5, hlm. 189.

"Apa yang disebut oleh musuh-musuh mengenaiku yang mengatakan aku mengkafirkan seseorang secara **zan** (mengkafirkan seseorang tanpa bukti yang jelas) atau dikatakan aku mengkafirkan seseorang yang jahil... Ini semua adalah salah dan tuduhan karut, dilakukan bertujuan untuk meliarkan dan menakutkan orang ramai dari agama Allah dan RasulNya."¹

Manakala jawapan khas yang ditujukan kepada Ibn Suhaim dan juga sebagai jawapan kepada seluruh penduduk Qasim bagi membersihkan diri dari tuduhan-tuduhan yang dilemparkan, beliau menyebut:

"Allah Maha Mengetahui bahawa lelaki itu (Ibn Suhaim) telah menuduhku dengan berbagai-bagai tuduhan yang aku tidak pernah lakukan dan tidak pernah ada terlintas di hatiku untuk melakukannya. Di antara tuduhan itu dikatakan aku berkata bahawa orang ramai semenjak 600 tahun yang lalu tidak ada apa-apa (tidak Islam) juga dikatakan aku mengkafirkan orang-orang yang bertawassul dengan orang soleh, aku mengkafirkan al-Busairi,² aku mengkafirkan orang-orang yang bersumpah tidak dengan nama Allah, maka jawapanku terhadap semua perkara itu aku berkata, "Maha Suci Allah semua itu adalah tuduhan bohong yang besar."³

-
1. Abd Aziz Ibn Muhammad Ibn Ali al-Abd al-Latif, *op.cit.*, hlm. 170.
 2. Seorang ulama yang dikatakan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab telah mengkafirkannya.
 3. Abd Aziz Ibn Zaid al-Rumi dan kawan-kawan, *op.cit.*, jid. 5, hlm. 64.

Jawapan yang sama diberikan kepada Hamad al-Tuwaijiri, katanya:

"Maha Suci Allah ini adalah satu tuduhan karut yang berat bahkan kami bersaksi kepada Allah yang mengetahui apa yang ada dalam hati kami, bahawa sesiapa yang beramal dengan tauhid dan menjauhi dari syirik dan pelaku-pelaku syirik maka orang itu adalah muslim di mana sahaja mereka berada. Kami hanya mengkafirkan orang yang syirik kepada Allah khusus syirik pada tauhid *Uluniyyah*, setelah mereka tahu bahaya syirik tersebut.¹

Sewaktu Syeikh Abd. Rahman Ibn Abdullah al-Suwaidi menulis surat bertanya beliau mengenai apa yang disebut oleh orang ramai mengenai beberapa perkara termasuk tuduhan yang mengatakan beliau mengkafirkan orang ramai, beliau menjawab:

"Mereka menuduh kami dengan berbagai tuduhan antaranya menyebar berita-berita karut yang orang berakal malu untuk menyebutnya termasuk kamu menuduh aku mengkafirkan orang Islam kecuali yang mengikutku dan dikatakan aku mengeluarkan pendapat bahawa perkahwinan dengan mereka tidak sah. Alangkah peleknya tuduhan-tuduhan itu, bagaimana boleh diterima oleh akal yang waras. Apakah kata-kata demikian diucap oleh orang berakal atau oleh orang

1. *Ibid.*, jid. 5, hlm. 60.

kafir, atau oleh orang yang berilmu pengetahuan atau orang yang gila."¹

Dari beberapa petikan jawapan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab kepada beberapa orang ulama musuhnya seperti di atas jelas menunjukkan beliau tidak mengkafirkan sebarang orang Islam, kerana mengkafirkan sebarang orang Islam tanpa ada padanya ciri-ciri kafir dan riddah tuduhan itu akan menimpa diri sendiri.

Seorang anak beliau bernama Abdullah bin Muhammad yang juga seorang ulama besar pernah menyangkal tuduhan-tuduhan seperti di atas dan memberi jawapan yang sama. Sebagai contoh beliau berkata:

"Apa yang dibohongi ke atas kami bertujuan untuk menutup kebenaran, untuk mengecamukkan fikiran orang ramai dengan mengatakan kami mengkafirkan orang Islam secara mutlak, termasuk tuduhan kami mengkafirkan orang yang hidup sesama dengan kami juga yang hidup 600 tahun yang lalu kecuali orang-orang yang mengikut kami, dan dituduh kami tidak menerima bai'ah seseorang (untuk bersama kami) kecuali setelah kami pasti dahulu yang dia sebelum itu adalah syirik dan kedua-dua ibubapanya mati dalam syirik kepada Allah. Semuanya itu tuduhan karut yang besar, sesiapa yang mendakwa

1. *Ibid.*, jid. 5, hlm. 37.

kami berkata demikian, maka itu satu tuduhan yang dibuat-buat dan diadakan, mana-mana orang yang menyaksikan keadaan kami, dan menghadiri majlis-majlis (ilmu yang kami ajar) serta mengkaji dan menyelidik apa yang kami pegang, mereka akan yakin bahawa semuanya itu adalah perkara yang diada-adakan semata-mata dan tuduhan palsu dari musuh-musuh agama serta saudara-saudara syaitan, dilakukan bertujuan untuk menjauhkan orang ramai dari ikhlaskan tauhid kepada Allah dan melakukan ibadat dengan betul serta meninggalkan syirik kepada Allah yang dosanya tidak diampun oleh Allah. Kami yakin dan percaya sesiapa yang melakukan berbagai-bagai jenis dosa besar seperti membunuh orang tanpa hak (kebenaran), berzina, makan riba, minum arak dan mengulangi melakukannya berkali-kali, kami tidak menghukumkan mereka keluar agama (murtad) selama mana mereka tidak menghalalkannya kecuali jika mereka mati dalam syirik kepada Allah dalam semua jenis ibadat."¹

Tidak cukup dengan itu, bahkan ramai lagi anak cucunya memberi jawapan tegas terhadap tuduhan-tuduhan yang dilemparkan oleh musuh-musuh mereka terutamanya mengenai **takfir** ini. Seorang lagi cucunya Syeikh Abd. Latif bin Abdul Rahman bin Hassan bin Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab menjelaskan sikap datuknya tidak mengkafirkan orang Islam lain dengan katanya:

1. Abd Aziz Ibn Muhammad Ibn Ali al-Abd al-Latif,
op.cit., hlm. 172.

"Shaykh Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab **rahimatullah**, di antara orang yang sangat berhati-hati dari mengkafirkan orang, sehingga dia tidak berani mengkafirkan seorang jahil yang berdoa memohon sesuatu tidak kepada Allah termasuk berdoa dan memohon dengan ahli kubur tertentu (dengan roh simati) atau dengan orang-orang lain, apabila didapatkan di tempat itu tidak ada (ulama) yang boleh memberi nasihat kepadanya atau yang boleh memberi dalil bahawa perbuatan seperti itu boleh menjadi kafir orang yang melakukannya."¹

Bukan itu sahaja bahkan Syeikh Abd. Latif menguatkan pendapatnya dengan menegaskan sesiapa yang mengenali datuknya dengan sebenar, orang itu akan sedar bahawa datuknya tidak melakukan perkara itu, katanya:

"Setiap orang yang berakal yang mengenali **sirah** (sejarah hidup) Shaykh Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab **rahimatullah**, dia tahu bahawa beliau sebenarnya seorang yang mengutamakan ilmu pengetahuan dan memuliakan alim ulama, dia seorang yang sangat kuat menegah orang dari mengkafirkan orang Islam lain, dia tidak merendah dan menyakiti orang lain, bahkan dia di antara orang yang suka menghormati, memulia dan membela orang lain juga menyuruh mereka berakhhlak mulia. Shaykh Muhammad **rahimatullah** tidak mengkafirkan seseorang melainkan orang yang telah dihukum kafir oleh

1. *Ibid.*, hlm. 173-174.

Allah dan RasulNya juga yang telah ulama ijmakan seperti orang yang mensyirikkan Allah dengan sesuatu benda."¹

Selain daripada jawapan-jawapan yang diberi seperti di atas, Syeikh Abd. Latif sendiri pernah **bermuzakarah** dengan ulama-ulama yang memusuhi datuknya seperti **bermuzakarah** dengan Syeikh Daud bin Jarjis seorang yang kuat menentang ajaran datuknya. Dalam **muzakarah** itu, antara lain beliau menjawab:

"Adapun kata-kata yang menyebut kami mengkafirkan orang ramai secara umum, dan dikatakan kami menyuruh mereka berhijrah supaya mengikut kami, dan kami mengkafirkan orang yang tidak kafir dan yang belum kami perangi dan banyak lagi tuduhan-tuduhan yang dilemparkan, semuanya itu bohong dan karut dilakukan semata-mata bertujuan untuk menghalang orang ramai dari agama Allah dan RasulNya, Maha Suci Allah ini adalah pendustaan dan pembohongan yang besar."²

Sebenarnya kalau ingin menyebut pendapat Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab dan pendapat ulama-ulama yang menyokongnya mengenai masalah mengkafirkan orang lain

1. *Ibid.*, hlm. 174.

2. *Ibid.*

memerlukan ruangan yang panjang. Di sini penulis rasa cukup dengan beberapa petikan di atas dijadikan bahan renungan bagi menjelaskan yang Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab tidak mengkafirkan orang Islam yang tidak mengikutnya, dan jauh sekali dari memerangi mereka.

Apa yang sebenar, beliau pernah menghukum murtad orang yang menghina agama Islam bawaan Rasulullah dan orang yang menghalang orang yang ingin menghayatinya. Perkara itu pernah dijelaskan, seperti katanya:

"Mengenai mengkafirkan orang sebenarnya aku ada mengkafirkan orang yang telah tahu agama (Islam) bawaan Rasulullah s.a.w. tetapi setelah itu dia mencacinya atau mengejek-ejek dan menghina serta melarang orang lain dari (menghayati) agama itu serta menentang orang yang mengamalnya. Orang macam ini aku mengkafirkan mereka (kerana orang itu dikira murtad)."

"Sedangkan kebanyakan orang Islam tidak demikian. Manakala perang dan **kital**, kami tidak pernah memerangi seseorang sampai hari ini, kecuali kerana mempertahankan jiwa dan kehormatan kami apabila diceroboh, seperti apabila orang datang menyerang negeri kami, maka kami terpaksa menentang dan memerangi mereka sebagai menyahut cabaran mereka."¹ Seperti firman Allah yang bermaksud:²

-
1. Dr. Muhammad Abdullah al-Salman, *op.cit.*, hlm. 62.
 2. Surah al-Syura, ayat 40.

"Perbuatan jahat akan dibalas jahat sama seperti."1

"Begitu juga kami perangi mereka yang berterus-terang mencaci agama Rasulullah setelah mereka mengetahuinya."1

Untuk menguatkan pendapat beliau di atas beliau mengemukakan dalil aqli katanya:

"Ulama Islam telah ijmak bahawa sekiranya seseorang itu percaya dan beriman dengan sesuatu perkara yang diajar oleh Rasulullah s.a.w., kemudian sesuatu yang lain tidak dipercayainya, bahkan ditolaknya, maka orang seperti itu dihukum kafir halal darah dan hartanya. Mengikhlaskan tauhid kepada Allah merupakan sesuatu ajaran Rasulullah yang paling penting, jadi kalau orang yang mengingkar sembahyang dan zakat kita boleh perangi mereka (kerana mereka ingkar sebahagian ajaran rasul), maka apakah kita tidak boleh perangi orang yang mengingkari keikhlasan tauhidnya kepada Allah yang mana tauhidnya ada unsur-unsur syirik, apatah lagi orang-orang yang menentang golongan yang membela tauhidnya? Maka tentulah golongan itu lebih utama diperangi dari golongan yang tidak sembahyang dan yang ingkar mengeluarkan zakat."2

1. *Ibid.*, hlm. 62-63.

2. Dr. Muhammad Abdullah al-Salman, *op.cit.*, hlm. 63.

Muhammad Ibn Abd al-Wahhab tidak mengkafirkan orang Islam secara melulu tetapi dia mengkafirkan orang yang dikira menjadi murtad dan rosak iman juga orang yang membela dan menyokong golongan yang dikira rosak iman. Mereka terdiri dari empat golongan iaitu:

- (a) Golongan yang tahu tauhid adalah perkara penting dan tahu mereka wajib mengikhlaskan tauhid hanya kepada Allah sahaja dan tahu bahawa percaya kepada selain Allah - samada yang berbentuk manusia, batu berhala dan sebagainya - adalah syirik. Walaupun mereka tahu perkara-perkara di atas dengan jelas tetapi mereka tidak mahu tumpukan kepada tauhid, tidak mahu mempelajarinya dan tidak mahu masuk dalamnya serta tidak mahu meninggalkan perkara syirik, maka orang seperti ini dihukum kafir dan diperanginya.
- (b) Golongan orang yang mengetahui semuanya (tahu tauhid dan syirik, tetapi mereka mencaci dan menghina agama Islam, atau ajaran Rasulullah s.a.w.), dan didapati mereka ada melakukan ajaran Islam - tetapi masih memuji dan menyokong golongan-golongan syirik (dengan memberi kerjasama dan redha kepada kelakuan

syiriknya), maka golongan ini lebih kuat kafirnya dari golongan pertama tadi.

- (c) Golongan yang tahu tauhid, cinta dan mengikutnya juga tahu perkara-perkara syirik dan meninggalnya tetapi benci kepada orang yang masuk kepada tauhid (yang Islam) dan suka kepada orang yang kekal dalam syirik, ini juga dianggap kafir.
- (d) Golongan keempat ialah orang yang terselamat dari semua perkara di atas, tetapi mereka mendiami di negeri yang penduduk negeri itu berterus-terang menentang golongan ahli tauhid, sehingga golongan itu bersama pemerintahnya memerangi dan menentang golongan yang mempertahankan tauhid dengan harta dan jiwa raga mereka, maka mereka ini juga dihukum kafir (kerana mereka menyokong pihak kerajaan yang menentang ahli tauhid), sedangkan mereka boleh mlarikan diri ke tempat lain dan tidak menyokong pemerintah yang menentang golongan yang membela

tauhid,¹ atau mereka boleh mengasingkan diri jangan menyokong kerajaan itu.

Selain itu Muhammad Ibn Abd al-Wahhab menjelaskan batas-batas iman dan kufur. Beliau berkata sesiapa yang melakukan salah satu dari sepuluh perkara di bawah ini, orang itu dihukum murtad atau terbatal Islamnya. Sepuluh perkara itu ialah:²

- (1) Syirik kepada Allah dalam ibadat atau lainnya.
- (2) Orang yang menjadikan di antara dia dengan Allah sesuatu perantaraan samada manusia dan lain-lain lalu dia berdoa kepadanya (memohon sesuatu) dan meminta darinya **syafaat** dan bertawakkal kepadanya.
- (3) Orang yang tidak mengkufurkan orang musyrikin atau disyaki kufur mereka itu atau menganggap agama atau akidah mereka betul.

1. Dr. Abdullah al-Salleh al-Uthaimin, *op.cit.*, hlm. 136-137. Dr. Muhammad Abdullah al-Salman, *op.cit.*, hlm. 64.
2. Shaykh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab, *al-Jami' al-Farid*, t.pen, t.t., hlm. 273.

- (4) Orang yang beritikad atau yakin bahawa selain petunjuk Nabi Muhammad (selain ajaran Islam) lebih sempurna dari petunjuk Nabi Muhammad atau hukum dan undang-undang orang lain dianggap lebih baik dari hukum atau ajaran Nabi Muhammad s.a.w. seperti orang yang melebih-lebih atau mengutamakan undang-undang **taghut** lebih dari undang-undang dan hukum Nabi Muhammad (hukum Islam).
- (5) Orang yang benci sesuatu daripada ajaran yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. sekalipun dia melakukan perkara itu.
- (6) Seseorang yang mengejek-ejak sesuatu dari ajaran agama Rasulullah s.a.w. atau mengejek-ejak mengenai dosa dan pahala.
- (7) Yang boleh membatalkan Islam seseorang juga ialah orang yang melakukan sihir atau dia redha dan bersetuju dengan kerja-kerja sihir.
- (8) Orang yang membantu dan menolong orang-orang kafir untuk menentang atau mengalahkan orang Islam.

- (9) Orang yang beriktiad dan percaya bahawa bagi setengah orang boleh keluar dari syariat Nabi Muhammad s.a.w. sebagaimana bolehnya Nabi Khidir keluar dari syariat Nabi Musa a.s.
- (10) Berpaling tada (tidak mempedulikan) agama Allah (agama Islam) dengan tidak mempelajari dan mengkajinya juga tidak melakukan amalan-amalan yang dituntutnya.

Apabila seseorang Islam melakukan salah satu dari sepuluh perkara di atas Muhammad Ibn Abd al-Wahhab menganggap, Islam dan imannya boleh terbatal, samada dilakukan dengan main-main atau dengaan sungguh-sungguh kecuali jika seseorang itu dipaksa.

Dari keterangan yang panjang lebar di atas bolehlah dibuat kesimpulan bahawa Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab tidak mengkafirkan orang-orang Islam dengan sewenang-wenangnya, beliau tidak mengkafirkan orang-orang Islam yang tidak mengikut ajarannya. Dia hanya mengkafirkan orang-orang yang dikira telah rosak akidah, yang dianggap telah murtad kerana beberapa sebab yang telah dijelaskan, juga beliau tidak melakukan serangan terhadap sesuatu golongan dan sesuatu negara kecuali apabila golongan dan pembesar serta pemerintah

negara berkenaan terlebih dahulu mengkafirkan beliau dan pengikut-pengikutnya serta mereka terlebih dahulu melakukan serangan terhadapnya. Kerana itu beliau dan tenteranya melakukan serangan terhadap mereka sebagai mengambil tindak balas yang sama di samping untuk mempertahankan diri dan maruah. Mereka berpegang kepada prinsip "Balasan kepada kejahatan hendaklah dengan kejahatan yang sama."

Oleh sebab beliau dan pengikutnya tidak mengkafirkan orang Islam secara melulu, mereka telah banyak memberi jawapan terhadap tuduhan-tuduhan yang dilemparkan terhadap mereka samada dalam risalah-risalah, buku-buku dan kitab-kitab karangan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab sendiri, tulisan anak cucunya dan juga oleh ulama-ulama mereka dahulu dan sekarang.

F. MENDIRIKAN BINAAN KUBBAH DI ATAS KUBUR
DAN MENZIARAHİ KUBUR

(a) **Pendahuluan**

Satu lagi perkara yang dipentingkan oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab ialah beliau menegah dan melarang orang ramai dari mendiri binaan (*kubbah*) di atas kubur, juga melarang dari menziarahi kubur para wali atau kubur Rasulullah s.a.w. dengan tujuan untuk memohon sesuatu hajat daripadanya tidak daripada Allah atau untuk bernazar kepadanya.

Mengenai perkara ini Muhammad Ibn Abd al-Wahhab mempunyai sikap dan pendirian tersendiri. Beliau menentang sikap setengah orang yang datang menziarahi kubur melakukan beberapa perkara yang menyeleweng dari ajaran Islam. Beliau menyebut ada ramai orang sewaktu datang menziarahi kubur orang-orang soleh dan para wali, mereka melakukan berbagai-bagai perkara yang menyeleweng dari ajaran tauhid yang sebenar, seperti mereka memohon doa dari tuan kubur tidak dari Allah, bernazar kepada tuan kubur, menyembelih binatang di atasnya, memohon pertolongan atau *istighathah* kepada tuan-tuan kubur tidak kepada Allah, sedangkan berdoa semuanya hendaklah kepada Allah. Bernazar, sembelih haiwan, memohon

pertolongan dan lain-lain itu adalah sebahagian dari ibadat yang sepatutnya diberi kepada Allah jua tidak boleh diberi kepada makhluk.¹ Perbuatan seperti itu baginya sama dengan apa yang dilakukan oleh orang-orang kafir musyrikin Mekah dahulu. Mereka itu dahulu percaya bahawa Allahlah Tuhan yang memberi rezeki, memati, menghidupkan sesuatu dan mentakbir alam ini. Walaupun begitu mereka menghalalkan tumpuannya kepada patong-patong berhala, dijadikan berhala itu perantaraan untuk mendekatkan diri kepada Allah. Orang-orang awam Islam di waktu beliau pun bersikap hampir sama dengan orang-orang musyrikin. Mereka menjadikan roh orang-orang soleh atau wali-wali sebagai orang perantaraan bagi mendekatkan diri mereka dengan Allah.² Selain itu mereka ada mendirikan binaan (*kubbah*) di atas kubur-kubur mereka itu.

Dalam kitab "Tawhid", Muhammad Ibn Abd al-Wahhab menjelaskan beberapa perkara yang boleh merosakkan tauhid antaranya syirik kaum Nabi Nuh a.s. yang berpunca daripada memuja beberapa orang soleh masa itu dan

-
1. Shaykh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab, *Kasyf al-Syubhat*, jld. 1, dalam Muallafat al-Shaykh al-Imam Muhammad Ibn Abd al-Wahhab, t.t., hlm. 157.
 2. *Ibid*, hlm. 4.

menyanjung mereka secara berlebih-lebihan sehingga apabila mereka mati dibuat patung mereka dan akhirnya disembah. Ini merupakan peristiwa syirik yang pertama berlaku dalam sejarah manusia. Dalam kitab itu juga disebut bahawa Rasulullah s.a.w. melarang umatnya jangan bersembahyang atau mendirikan masjid di atas kubur, juga baginda melarang jangan melakukan penghormatan yang melampau terhadap kubur baginda dan kubur-kubur lain kerana berbuat demikian dibimbangi boleh membawa kepada berlakunya syirik.¹

(b) **Membina Kubbah Atas Kubur**

Untuk mengelakkan dari berlaku syirik dan sebagai "سد للذرية", Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan pengikut-pengikutnya melarang keras orang-orang Islam dari membina binaan atau **kubbah** di atas kubur, bahkan sewaktu pemerintahannya banyak **kubbah** yang didirikan di atas kubur dirobohnya. Mereka melakukan ini kerana berpandukan kepada hadith-hadith yang melarang keras dari membina binaan (**kubbah**) di atas kubur dan juga berpandukan kepada pendapat ulama-ulama muktabar.

1. Shaykh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab, *Kitab Tawhid*, dalam Muallafat al-Shaykh al-Imam Muhammad Ibn Abd al-Wahhab, jil. 1, Matbaah Jamaiah al-Imam Muhammad, hlm. 56 dan 60-64.

Cucu beliau bernama Syeikh Sulaiman bin Abdullah bin Muhammad ada memetik beberapa pendapat ulama mengenai larangan itu. Antaranya beliau memetik pendapat Imam Abu Muhammad Ibn Qudamah yang mengatakan tidak harus mendirikan masjid di atas kubur kerana Nabi Muhammad s.a.w. bersabda:¹

قاتل الله اليهود اخنوا قبور أئبائهم مساجد

Ertinya:

Allah melaknat orang-orang Yahudi dan Kristian yang menjadikan kubur-kubur nabi mereka sebagai masjid.

Selain itu beliau memetik pendapat Imam Ibn Taimiyyah yang menyebut, "Adapun mendirikan masjid di atas kubur telah dijelaskan oleh ulama ia adalah ditegah berpandukan kepada hadith sahih."²

Anak beliau bernama Syeikh Abdullah ada menyebut bahawa membina **kubbah** di atas kubur dianggap sebagai tanda-tanda kekufuran (syirik). Katanya:

1. Imam Abu al-Hussain Muslim Ibn al-Hajjaj al-Nisaburi, *Sahih Muslim*, jid. 1, Dar al-Ifta wa al-Da'wa wa al-Irsyad, Riyadh, 1980-1400, hlm. 376. Shaykh Sulaiman Ibn Abdullah Muhammad, *Taisir al-Aziz al-Hamid fi Kitab al-Tawhid*, cet. 4, Maktabah al-Islam, 1400H, hlm. 332.

2. *Ibid.*

"Bahawa membina **kubbah** di atas kubur adalah di antara tanda kekufturan dan syiarnya. Allah Taala mengutus Nabi Muhammad s.a.w. antara lain untuk merobohkan berhala walaupun yang berada di kubur orang-orang soleh. Berhala **al-La'at** asalnya nama seorang soleh (umat yang terdahulu di Taif) tetapi setelah dia mati pengikutnya selalu datang beriktitaf di kuburnya kemudian mereka mendirikan binaan di atasnya dan membesar-besarkannya, atau **mentakzimkan** binaan itu. Apabila penduduk Taif memeluk Islam, mereka milarang orang ramai jangan meroboh berhala **al-La'at** itu supaya boleh dibuat kenangan dan supaya dapat menarik orang perempuan, dan anak-anak mereka kepada Islam. Tetapi Nabi Muhammad s.a.w menolaknya dan di hantar al-Mughirah' bin Sya'bah bersama Abu Sufian bin Harb ke Taif untuk merobohkan berhala itu."¹

Selain dari itu seorang ulama pengikut Muhammad Ibn Abd al-Wahhab, Ibn Sahman menegah orang ramai dari mendirikan binaan di atas kubur katanya:

"Tidak diperolehi dari zaman manapun pendapat dari orang alim dan orang biasa yang mengharuskan membina binaan di atas kubur, menjadikan kubur sebagai masjid, mengharuskan memasang pelita atau lampu di atasnya, membenarkan orang-orang duduk beriktitaf di atasnya dan mengadakan khadam khas berkhidmat di situ. Bahkan orang-orang alim dalam bidang agama di sepanjang zaman dan di seluruh tempat sepakat milarang mendirikan binaan di atasnya,

1. Abd. Aziz Ibn Muhammad Ibn Ali al-Abd al-Latif,
op.cit., hlm. 315.

melarang memasang lampu dan pelita dan melarang orang beriktikaf di atas kubur."¹

Selain itu Ustaz Masud al-Nadawi menjelaskan sikap Muhammad Ibn Abd al-Wahhab mengenai tentang beliau terhadap membina binaan di atas kubur dan larangan seperti itu telah dilakukan oleh ramai ulama sebelum beliau termasuk Imam Syafie, Imam Nawawi, Ibn Hajar al-Haitami dan lain-lain lagi. Antara lain Ustaz Masud menyebut:

"Hadith-hadith yang melarang membina masjid (tempat sembahyang) di atas kubur memang banyak dan sahih, sebab itu Shaykh Muhammad tidak teragak-agak lagi bangkit merobohkannya kerana ia diharam oleh syarak dan (mendirikan masjid di atas kubur) seolah-olah menjadikan kubur sebagai berhala ini berlawanan sekali dengan perintah syarak."

"Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab dan pengikut-pengikutnya, bukan sahaja mereka bersama dengan pemerintahnya turut meruntuhkan **kubbah-kubbah** di atas kubur, bahkan perkara ini telah dilakukan di zaman Imam Syafie. Ini disebut sendiri oleh Imam Syafie dalam kitab "**al-Umm**" yang mana orang ramai waktu itu merobohkan **kubbah** di atas kubur dan ulama-ulama tidak menentang perbuatan ini. Perkara ini juga telah disebut oleh Imam Nawawi dalam kitab "**Syarh Muslim**".²

1. *Ibid.*, hlm. 323.

2. Al-Ustaz Masud al-Nadawi, *op.cit.*, hlm. 160.

Kemudian beliau memetik pendapat Imam Ibn Hajar al-Haitami yang berkata:

"Wajib bersegera merobohkan masjid atau kubah di atas kubur kerana ia lebih bahaya dari masjid Dirar."¹

Sebenarnya selain dari bukti-bukti dan dalil-dalil di atas banyak lagi dalil-dalil lain dikemukakan oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan pengikut-pengikutnya mengenai larangan mendirikan binaan seperti masjid dan **kubah** di atas kubur dan larangan sembahyang di atasnya. Apa yang disebut di atas adalah sebahagian sahaja bagi menjelaskan bagaimana sikap mereka mengenai perkara ini.

Dari apa yang disebut di atas jelaslah bahawa membina binaan di atas kubur adalah haram, ditegah oleh Rasulullah s.a.w. dan ia sebagai (سد للذرئع). Walaupun begitu Muhammad Ibn Abd al-Wahhab tidak menganggap perkara ini boleh menjadi syirik besar bahkan satu perkara bid'ah yang diharamkan kerana ia boleh menjadi satu **wasilah** kepada membesar-besar atau **mentakzimkan** kubur. Beliau menjelaskan perkara ini katanya:

1. *Ibid.*

"Adapun binaan **kubbah** di atas kubur hendaklah dirobohkan dan aku tidak menganggap itu boleh menjadi syirik besar, begitu juga sembahyang di sisi kubur dan pergi ke kubur untuk berdoa kepada Allah di sisinya, aku tidak menganggap perkara itu boleh menjadi syirik besar tetapi itu semua di antara sebab-sebab yang boleh menjadi syirik yang sangat ditentang oleh ulama-ulama."¹

Oleh kerana nabi mlarang umatnya dari membina **kubbah** di atas kubur dan ditegah oleh ramai ulama, Muhamamad Ibn Abd al-Wahhab dan pengikut-pengikutnya mengambil sikap tegas terhadap memerangi perkara itu selain di kubur Nabi Muhammad s.a.w. Sebab itu setelah beliau mendapat sokongan pemerintah, beliau merobohkan **kubbah** di kubur yang didakwa sebagai kubur Zaid bin Al-Khattab (saudara Umar bin Al-Khattab) di Uyainah sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini.

Pada tahun 1216H/1801M. apabila tentera gerakannya yang dipimpin oleh Amir Saud bin Abd. Aziz menawan Karbala, dirobohnya **kubbah** yang dibina di atas kubur Saidina Hussin bin Ali, cucu Nabi Muhamamad s.a.w. Manakala sewaktu Madinah dan Mekkah ditawan oleh tenteranya pada tahun 1218H./1803M, mereka merobohkan beberapa buah **kubbah** di atas kubur-kubur sekitar Mekkah

1. Dr. Muhammad Abdullah al-Salman, *op.cit.* hlm. 52.

dan Madinah.¹

Dari keterangan di atas jelaslah Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab dan pengikut-pengikutnya tidak ada tolak ansur terhadap **kubbah** yang dibina di atas kubur, lebih-lebih lagi di kubur-kubur yang dianggap keramat, ini kerana pembinaan **kubbah** dilarang oleh Nabi Muhammad s.a.w. juga oleh ulama-ulama Islam yang muktabar, beliau dan pengikut-pengikutnya merobohkannya demi mengelakkan dari berlakunya unsur-unsur syirik dan sebagai " سد للذرية " juga untuk mengajak umat Islam supaya kembali kepada ajaran Islam yang sebenar.

Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan pengikut-pengikutnya mengajak orang ramai supaya sedar terhadap kesalahan dan bid'ah yang telah dilakukan terhadap kubur-kubur dan meminta supaya meninggalkannya. Bagi yang berkeras tidak mahu meninggalkannya, terpaksalah digunakan kekerasan dan kekuasaan. Dengan sebab beliau menggunakan kekerasan itulah menyebabkan sebahagian orang termasuk ulama menuduh beliau dengan berbagai-bagai tuduhan seperti yang disebut sebelum ini.

1. Dr. Muhammad Abdullah al-Salman, *op.cit.*, hlm. 51-52.

(c) Menziarahi Kubur

Bagi Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab dan pengikut-pengikutnya sama seperti ulama-ulama lain menganggap menziarahi kubur adalah disyariat dan digalakkan selagi orang yang menziarahi tidak melakukan perkara yang ditegah, ini kerana ada hadith yang menggalakkannya. Rasulullah s.a.w. bersabda maksudnya:¹

"Aku telah menegah kamu jangan menziarahi kubur (tetapi sekarang) ziarahilah ia kerana menziarahi kubur itu boleh mengingatkan kepada akhirat".

Hadith ini menjelaskan menziarahi kubur dengan cara-cara yang dibenarkan adalah diharuskan oleh Islam kerana ziarah kubur boleh mengingati mati dan boleh melahirkan keinsafan yang mendalam ke dalam diri seseorang.

Sebab itu Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab dan pengikut-pengikutnya tidak menentang dan menegah menziarahi kubur, apa yang ditentang dengan keras ialah cara ziarah yang salah yang ada unsur-unsur syirik,

1. Imam Jalaluddin Abd Rahman al-Suyuti, *op.cit.*, jid. 2, hlm. 97.

bid'ah dan penyelewengan yang dilakukan di kubur. Mereka menentang orang meminta pertolongan (*istighathah*) dengan ahli kubur dan yang meminta dari si mati doa dan *syafaat*. Kebanyakan ziarah yang banyak berlaku di zaman beliau bukan ziarah yang diharuskan, tetapi ziarah yang boleh melahirkan unsur-unsur syirik, bid'ah dan khurafat, seperti memohon doa dari tuan kubur atau memohon doa dengan perantaraannya dan lain-lain yang tidak diharuskan. Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab dan pengikut-pengikutnya yang dipanggil *Muwahhidun*, menolak perkara-perkara tersebut.¹

Kalau dikaji sikap beliau dan pengikut-pengikutnya mengenai cara menziarah kubur didapati mereka membahagikan kepada dua bentuk. Pertama, ziarah yang disyariatkan atau diharuskan dan kedua ziarah yang ditegah. Di bawah ini dijelaskan kedua-dua bentuk itu dengan lebih jelas.

(i) Ziarah Yang Diharuskan

Ziarah yang diharuskan ialah ziarah yang dilakukan dengan mengikut cara yang dibenar oleh agama dan dengan adab-adab yang dijelaskan oleh Rasulullah

1. Al-Ustaz Masud al-Nadawi, *op.cit.*, hlm. 159. Telah diulas panjang lebar sebelum ini.

s.a.w. Ziarah itu antara lain untuk mengingati akhirat, melahirkan kasihan belas terhadap simati, dan supaya selalu mengingati kepada simati dan tidak melupainya, lebih-lebih lagi kalau simati itu ibubapa dan keluarga terdekat, juga bertujuan memohon doa kepada Allah supaya diampunkan dosa atau dilepaskan dari azab kubur dan seumpamanya.¹

Rasulullah s.a.w. pernah menyuruh sahabatnya tolong berdoa kepada sahabat yang baru meninggal dunia sebaik-baik sahaja selesai dikubumikan baginda bersabda:²

وَاسْأُلُوا لِهِ الشَّيْطَنَ فَانَّهُ لَا يَسْأَلُ

Ertinya:

Berdoalah kepada Allah untuk dia (simati) supaya tetap dan dapat (menjawab soalan mungkar dan nakir) kerana sekarang dia sedang disoal.

Jadi menziarahi kubur dengan melakukan cara-cara yang disebut di atas memang disunatkan dan digalakkan dalam Islam dan ini disuruh oleh Muhammad Ibn

-
1. Dr. Abdullah al-Salleh al-Utaimin, *op.cit.*, hlm. 139.
 2. Al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani, *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*, cet. 1, Dar al-Salam, Riyadh, Dar al-Faiha', Damsyik, 1992-1413, hlm. 161. Al-Sayyid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, jid. 1, Dar al-Kitab al-Arabi, Beirut, t.t., hlm. 546.

Abd. al-Wahhab dan pengikut-pengikutnya. Jika dilakukannya perkara-perkara yang diharamkan ia menjadi haram dan ditegah. Dalam kitab "*al-Tawdhih An Tawhid al-Khaliq*" sebuah kitab yang menyokong ajaran Shaykh Muhammad pengarangnya ada menjelaskan cara ziarah yang diharuskan antaranya beliau menyebut:

"Adapun membesar dan *mentakzimkan* kubur dengan menghormatinya dan tidak menyakitinya itu adalah wajib, sebab itu jangan kencing dan berak di atasnya, jangan memijak-mijak kubur dan duduk di atasnya. Nabi Muhammad s.a.w. bersabda:¹

لَا يَخْلُسُوا عَلَى الْقَبُورِ وَلَا تَصْلُوَا إِلَيْهَا

Ertinya:

Jangan kamu duduk di atas kubur dan jangan sembahyang menghadap ke arahnya.

Dalam hadis lain selepas Rasulullah s.a.w. melihat seorang lelaki bertongkat kepada kubur, baginda melarang lelaki itu dengan sabdanya:²

لأن يجلس أحدكم على جمرة فتحرق ثيابه فتحلص إلى جلدته
خير له من أن يجلس على قبره

-
1. Hadith ini ada disebut oleh Shaykh Muhammad Ibn Ali Ibn Muhammad al-Syaukani, *Nail al-Autar Min Ahadith Saiyidi al-Akhyar*, jid. 4, Dar al-Jail, Beirut, 1973, hlm. 140.
 2. *Ibid.*

Maksudnya:

Kalau seorang kamu duduk di atas bara api dan terbakar kainnya sehingga hampir sampai ke kulit, itu lebih baik baginya dari dia menduduki di atas kubur orang muslim.

Adapun membesar atau mentakzim kubur dengan cara memuja atau menyembahnya maka itu dosa besar yang paling besar (syirik) dan ketahuilah bahawa punca fitnah berlaku kerana menyembah berhala (patung-patung orang soleh yang mati umat Nabi Nuh). Sebagaimana disebut oleh para sahabat, tabi'in dan imam-imam mazhab.¹

Manakala sewaktu melawat kubur nabi pengarang kitab itu menyebut cara yang sepatutnya dilakukan oleh seseorang, katanya:

"Adapun cara ziarah kubur Nabi Muhammad s.a.w. yang disyariatkan adalah seperti yang telah dijelaskan oleh imam-imam mazhab; Imam Malik, Ahmad Ibn Hanbal, Syafie, Abu Hanifah dan imam-imam lain lagi. Mereka menyebut: Sesiapa yang datang ke Madinah maka dituntut supaya masuk masjid Nabawi dan sembahyang sunat *tahiyyatul-masjid* dua rakaat, kemudian mara ke kubur baginda dan memberi salam kepadanya dan kepada kedua sahabat baginda, Abu Bakar dan Umar dan jangan selalu datang sehingga diulangi beberapa kali dalam satu hari kerana ingin menghormati baginda. Berulang-ulang

1. Abd Aziz Ibn Muhammad Ibn Ali al-Abd al-Latif,
op.cit., hlm. 316.

seperti itu tidak dilakukan oleh sahabat baginda dan tidak oleh para tabi'in.

Bagi orang yang baru datang ke Madinah atau yang ingin meninggalkannya disunatkan datang berdekatan dengan kubur Nabi Muhammad s.a.w. dan sembahyang sunat dua rakaat kemudian beri salam kepada baginda dan kepada dua orang sahabatnya."¹

Dari petikan dan hadith-hadith di atas jelaslah bahawa Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab dan pengikut-pengikutnya mengharuskan orang Islam mengziarahi kubur apabila mengikut cara-cara dan adab-adab yang dibenarkan, kalau tidak, ziarah itu ditegah dan dilarang.

(ii) Ziarah Yang Dilarang

Mengikut Muhammad Ibn Abd al-Wahhab, ziarah yang ditegah ini terbahagi kepada dua jenis.² Pertama, ziarah bid'ah dan keduanya, ziarah yang boleh membawa kepada syirik.

Ziarah bid'ah ialah ziarah yang bertujuan untuk berdoa di sisi kubur bagi memohon kepada Allah sesuatu hajat atau bagi menolak sesuatu bala dengan cara

1. *Ibid.*, hlm. 317.

2. Dr. Muhammad Abdullah al-Salman, *op.cit.*, hlm. 50.

bertawassul dengan si mati. Perkara ini dilakukan kerana mereka menganggap dengan berkat tuan kubur yang soleh atau wali, doanya cepat dimakbulkan oleh Allah. Ziarah cara ini dianggap oleh beliau sebagai ziarah bid'ah kerana orang itu melakukan **tawassul** bid'ah yang tidak ada dalil sahih dari Rasulullah s.a.w. dan tidak dilakukan oleh **salafus al-salleh** dari kalangan sahabat dan tabi'in.¹

Manakala ziarah yang boleh membawa kepada syirik ialah ziarah yang bertujuan untuk melakukan berbagai-bagi bentuk ibadat yang sepatutnya diberi kepada Allah tiba-tiba diberi kepada tuan kubur, seperti berdoa memohon sesuatu dari tuan kubur bukan dari Allah, bernazar kepadanya, mengharapkan sesuatu darinya dan lain-lain yang seumpamanya.²

Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan pengikut-pengikutnya mengajak orang ramai supaya jangan melakukan ziarah bid'ah dan ziarah syirik, bahkan mengajak orang ramai melakukan ziarah yang diharuskan sahaja kerana itu beliau tidak menggalak orang ramai musafir ke Madinah kalau semata-mata mahu menziarahi

-
1. *Ibid.*, juga lihat dalam bahagian tawassul sebelum ini.
 2. *Ibid.*, hlm. 50-51.

kubur Rasulullah s.a.w. Beliau mahu kalau ada orang yang ingin melawat Madinah hendaklah dijadikan matlamat utamanya untuk melawat Masjid Nabawi dan bersembahyang serta beriktikaf, membaca al-Quran dan lain-lain ibadat lagi di dalamnya. Kemudian apabila masuk ke dalam masjid hendaklah melakukan ziarah ke **Makam** (kubur) Rasulullah s.a.w dengan cara yang disyariatkan seperti yang disebutkan di atas dan jangan melakukan perkara-perkara yang ditegah. Beliau tidak bersetuju kalau ada orang yang menjadikan matlamat utama datang ke Madinah kerana ingin menziarahi **Makam** Rasulullah s.a.w. kerana Rasulullah s.a.w. bersabda:¹

لَا تَشْدُرُ الرِّحَالَ إِلَى ثَلَاثِ مَسَاجِدٍ مَسْجِدِيْ هَذَا وَالْمَسْجِدُ الْحَرَامُ وَالْمَسْجِدُ الْأَقْصَى

Ertinya:

Jangan kamu musafir melainkan kepada tiga buah masjid iaitu Masjid al-Haram, Masjid Aku (Masjid al-Nabawi) dan Masjid al-Aqsa.

Bagi beliau hadith ini nabi s.a.w. hanya menggalakan seseorang muslim yang ingin melakukan lawatan hendaklah diutamakan melawat salah satu dari

1. Abu Isa Muhammad Ibn Isa al-Tirmizi, *Jami' al-Sahih wa Huwa Sunan al-Tirmizi*, cet. 1, Tahqiq' Ahmad Muhammad Syakir, Matbaah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladuhu, Kaherah, 1937-1356, hlm. 148. Al-Sayyid Sabiq, *op.cit.*, jid. 1, hlm. 249.

ketiga-tiga buah masjid di atas. Jadi datang ke Madinah hendaklah bertujuan bersembahyang di Masjid Nabawi dan beribadat di dalamnya termasuk menziarahi kubur Nabi Muhammad s.a.w. dengan cara yang disyariatkan atau diharuskan. Sebab itu beliau dan pengikut-pengikutnya tidak menggalakkan seseorang muslim membuat lawatan dan musafir ke sesuatu tempat yang jauh, ke Madinah atau ke tempat lain semata-mata kerana ingin melawat kubur nabi, sahabat, orang-orang soleh dan wali-wali. Bagi beliau kalau ingin melawat kubur nabi dan kubur-kubur sahabat di Madinah umpamanya hendaklah dijadikan matlamat itu sebagai matlamat kedua atau ketiga, jangan dijadikan matlamat pertama dan utama kerana yang demikian itu menyalahi maksud hadith di atas.

Sedangkan ulama-ulama lain yang memusuhi beliau menggalakkan seseorang melakukan musafir khususnya untuk melawat kubur baginda Rasulullah s.a.w.¹ Ulama-ulama ini menentang pendapat Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dengan mengemukakan berbagai-bagai pandangan. Umpamanya al-Sayyid Ahmad Zaini Dahlan salah seorang ulama yang menentang dakwah dan buah fikirannya, menegaskan bahawa melakukan lawatan kerana menziarahi kubur Nabi

1. Dr. Abdullah al-Salleh al-Uthaimin, *op.cit.*, hlm. 140-141.

Muhammad s.a.w. adalah dituntut dan disyariatkan dengan mengemukakan pandangan berikut:

"Apabila setiap ziarah kubur menjadi sebagai satu **kurbah** (mendekatkan diri dengan Allah), maka setiap musafir ke kubur adalah juga **kurbah**. Ada riwayat yang sahih bahawa Rasulullah s.a.w keluar menziarahi sahabat yang mati di kubur Baqi' dan di Uhud, jadi jika menziarahi kubur selain dari Rasulullah s.a.w disyariatkan maka ziarah kubur Nabi Muhammad s.a.w. tentulah lebih berhak."¹

Difaham dari petikan Sayyid Ahmad Zaini Dahlan di atas jelas beliau dan ulama-ulama lain yang sealiran dengannya mengharuskan dan menggalakan seseorang melakukan lawatan ke sesuatu tempat semata-mata untuk menziarahi kubur di tempat itu, sama ada kubur nabi, sahabat dan lain-lain lagi. Sedangkan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab tidak demikian, dia tidak bersetuju dengan pendapat itu. Bagi beliau hadith di atas melarang orang Islam musafir ke suatu tempat kecuali kerana mahu melawat tiga masjid tersebut dan lawatan itu dijadikan matlamat utamanya bagi membolehkan dia beribadat di dalamnya, manakala menziarahi kubur Nabi Muhammad s.a.w.

1. Abd Aziz Ibn Muhammad Ibn Ali al-Abd al-Latif,
op.cit., hlm. 305.

dan lain-lain lagi hendaklah dijadikan sebagai matlamat sampingan sahaja bukan dijadikan matlamat utama.

Dari ulasan yang panjang lebar di atas jelaslah bahawa Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan pengikut-pengikutnya menegah dari membina **kubbah** atau masjid di atas kubur kerana dilarang oleh Rasulullah s.a.w. dan disokong oleh ramai ulama demi untuk mengelak dari berlakunya penyelewengan akidah. Sebab itu setelah ada kuasa beliau merobohkan **kubbah** di atas kubur di tempat-tempat yang dikuasainya khusus di kubur-kubur yang dianggap keramat kecuali **kubbah** di kubur Nabi Muhammad s.a.w. Ini mungkin kerana sesuatu masalah tertentu, manakala berhubung dengan menziarahi kubur pula beliau mengharuskan kalau ziarah itu bagi mengingati orang mati dan seumpamanya tetapi jika ziarah yang berunsur bid'ah, khurafat dan syirik beliau menegah dan melarangnya.

G. AMAR MA'RUF DAN NAHI MUNGKAR

(a) Pendahuluan

Melakukan **amar ma'ruf** dan **nahi mungkar** merupakan satu kewajipan agama dan perintah Allah yang penting dipertanggungjawabkan ke atas setiap orang muslim supaya melakukannya bagi mengawal ajaran Islam supaya selalu dipatuhi dan tidak dicerobohi atau diselewengkan. Allah Taala berfirman:¹

ولتكن منكم أمة يدعون إلى الخير ويأمرون بالمعروف وينهون عن المكروه

Ertinya:

Hendaklah ada di kalangan kamu satu kumpulan yang mengajak (orang ramai) kepada kebaikan dan melakukan **amar ma'ruf** dan **nahi mungkar**.

Oleh kerana umat Islam menjalankan tugas besar ini, mereka digelar sebagai sebaik-baik umat, sebagaimana Allah berfirman:¹

كتم خير أمة أخرجت للناس تأمرن بالمعروف وتنهون عن المكروه

-
1. Surah Ali Imran, ayat 104.
 2. Surah Ali-Imran, ayat 110.

Ertinya:

Kamu adalah sebaik-baik umat
dikeluarkan untuk manusia (kerana)
kamu menyuruh (melakukan) **amar**
ma'ruf dan menegah **nahi mungkar**.

Dari sini jelaslah bahawa tugas **amar ma'ruf** dan **nahi mungkar** adalah satu tugas penting dalam Islam.

(b) **Tugas Amar Ma'ruf Dan Nahi Mungkar**

Oleh kerana pentingnya tugas **amar ma'ruf** dan **nahi mungkar** ini Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab sama seperti tokoh-tokoh ulama lain berpendapat tugas ini merupakan satu kewajipan bagi setiap muslim demi untuk membela dan menjaga kedudukan agama Islam dan pengikut-pengikutnya. Beliau ada menyebut:

"Aku berpendapat menjalankan tugas **amar ma'ruf** dan **nahi mungkar** adalah wajib, sepetimana yang disuruh atau di arah oleh syariat Nabi Muhammad s.a.w. yang suci."¹

Ada dua perkara penting yang ditekankan oleh beliau dalam menjalankan tugas ini. Pertama, mengajak orang ramai kembali kepada al-Quran dan sunnah Rasulullah s.a.w. dan menghayati ajaran kedua-duanya.

1. Dr. Ahmad Atiyyah al-Zahrani, *op.cit.*, hlm. 378.

Kedua, menyuruh orang ramai melakukan ketaatan kepada Allah dan rasulNya.¹

Mengenai perkara pertama, beliau mengemukakan berbagai-bagai dalil dari al-Quran dan sunnah yang menyuruh orang ramai supaya kembali dan menghayati ajaran keduanya. Antara lain sewaktu beliau menjelaskan mengenai wasiat wajib berpegang kepada al-Quran beliau membawa firman Allah:²

ابعوا ما أنزل إليكم من ربكم ولا تتبعوا من دونه أولياء قليلاً ما تذكرون

Ertinya:

Ikutilah apa yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu dan jangan kamu mengikut pemimpin-pemimpin (yang membawa kepada kesesatan) selainNya. Amat sedikit kamu mengambil pelajaran daripadaNya.

Manakala bukti yang di bawa supaya umat Islam berpegang kepada sunnah Rasulullah s.a.w., antaranya beliau membawa ayat al-Quran:³

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِّبُهُوا اللَّهُ وَأَطِّبُهُوا الرَّسُولُ وَأُولُو الْأَمْرِ مِنْكُمْ

-
1. Dr. Ali Abd Halim Mahmood, *Al-Salafiyyah Wa Da'wah al-Shaykh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab*, cet. 1, Maktabah Ukaz Li al-Nasyr, 1981-1401, hlm. 179.
 2. Surah al-Araf, ayat 3.
 3. Surah al-Nisa', ayat 59.

Ertinya:

Wahai orang yang beriman taatlah kepada Allah dan taatlah kepada Rasulullah s.a.w. dan kepada **ulil al-amri** dari kalangan kamu.

Juga beliau bawa ayat:¹

ما أتاكم الرسول فخذلوه وما نهَاكم عنه فانتهوا

Ertinya:

Apa yang Rasul beri kepada kamu maka terimalah dan apa-apa yang dilarang kamu daripadanya maka tinggalkanlah.

Dari ayat yang di bawa oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab jelaslah beliau mengajak orang ramai supaya kembali dan menghayati al-Quran dan sunnah, dan ini merupakan **amar ma'ruf** yang paling penting.

Manakala mengenai perkara kedua iaitu menyuruh orang melakukan ketaatan kepada Allah dan RasulNya, ialah dengan mengajak orang ramai melakukan amal-amal ibadat dan mentaati perintah Allah dan RasulNya serta menjauhi perkara-perkara **mungkar** dan maksiat serta mengajak supaya selalu berakhhlak mulia di sepanjang

1. Surah al-Hasyr, ayat 7.

hayatnya serta menjauhi sifat-sifat tercela dan keji.¹

Beliau berpendapat menjalankan tugas penting ini kadang-kadang menjadi **fardhu kifayah** dan kadang-kadang menjadi **fardhu ain**. Kalau sekiranya tugas ini terlaksana dan dapat dijalankan oleh sebahagian orang Islam sahaja, maka waktu itu tugas tersebut menjadi fardhu kifayah. Oleh itu apabila ada sebahagian dari umat Islam menjalankan tugas tersebut maka gugurlah dosa ke atas orang Islam yang lain, tetapi jika semuanya tidak menjalankan tugas dengan membiarkan kemungkaran terus berlaku, waktu itu kesemuanya berdosa. Maka waktu itu tugas **amar ma'ruf nahi mungkar** menjadi **fardhu ain** wajib ke atas setiap orang muslim menjalankannya. Atau apabila kemungkaran itu hanya diketahui oleh seseorang yang tertentu sahaja atau kerana seseorang sahaja yang berkuasa dan mampu menghapuskannya, maka waktu itu dia wajib menegah kemungkaran itu sebagai **wajib 'aini** (**fardhu ain**) ke atasnya.²

Shaykh Muhammad bin Abd. Latif bin Hassan seorang keluarga Muhammad Ibn Abd al-Wahhab menjelaskan tugas

-
1. Dr. Ali Abd Halim Mahmood, *op.cit.*, hlm. 185-190.
 2. Imam al-Nawawi, *Syarah Muslim*, juz. 2, hlm. 23.

ini dengan katanya:¹

"Kami berpendapat menjalankan tugas **amar ma'ruf** dan **nahi mungkar** ini adalah wajib ke atas seseorang yang berkuasa sekadar kekuasaannya. Mulamula hendaklah merubahnya dengan tangan (jika dia berkuasa merubahnya dengan tangan). Jika tidak berkuasa, dia wajib merubahnya dengan lidahnya (dengan cara menegur atau menasihati orang yang melakukan kejahatan) dan jika tidak berkuasa, dia wajib merubahnya dengan hatinya, sebagaimana yang dijelaskan oleh hadith sahih, Rasulullah s.a.w. bersabda:²

من رأى منكم منكراً فليغيره بيده فان لم يستطع فبلسانه فان لم يستطع
فقلبه وذلك أضعف الإيمان

Ertinya:

Sesiapa yang melihat kemungkaran maka hendaklah dia merubahnya dengan tangan, sekiranya tidak berkuasa maka hendaklah merubahnya dengan lidah dan sekiranya tidak berkuasa maka ubahlah dengan hatinya itu adalah selemah-lemah iman."

Sebenarnya tugas **amar ma'ruf** dan **nahi mungkar** ini bukan perkara baru yang hanya dilakukan oleh beliau sahaja bahkan telah dilakukan oleh ulama-ulama dan

-
1. Sulaiman bin Salman, *op.cit.*, hlm. 36, Dr. Muhammad bin Abdullah al-Salman, *op.cit.*, hlm. 59.
 2. Imam Jalaluddin Abd Rahman al-Suyuti, *op.cit.*, juz. 2, hlm. 171.

kerajaan-kerajaan Islam yang terdahulu. Salah satu caranya ialah dengan menubuhkan jabatan ***Hisbah***¹. Badan ini melantik ramai pegawai bagi mengawasi urusan-urusan rakyat jelata termasuk mengawasi urusan ibadat, akhlak dan sebagainya, mengawasi urusan ibadat seperti memaksa orang lelaki menunaikan sembahyang Jumaat, menunaikan sembahyang fardhu berjemaah di masjid, menghalang orang dari berbuka (tidak berpuasa) di bulan Ramadhan dan lain-lain, manakala dalam urusan akhlak seperti menegah dari minum arak dan barang-barang yang memabukkan, membuat atau mengukir patung-patung, melarang bermain dam, catur dan seumpamanya yang ditegah, melarang orang ramai dari beramal dan percaya kepada tukang tenun, tangkal azimat dan lain-lain. Selain itu, badan ***Hisbah*** menjalankan tugas mengawal peniaga-peniaga dari melakukan penipuan dalam urusan jual beli, mengawal harga barang dan lain-lain lagi.²

Dalam kitab "*Luma' al-Syihab Fi Sirah Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab*" ada menyebut tugas-tugas di atas dengan menyatakan:

-
1. Satu badan khas yang menjalankan tugas-tugas ***amar ma'ruf*** dan ***nahi mungkar***, lihat *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, hlm. 315.
 2. Dr. Munir al-Ajlani, *op.cit.*, jid. 1, hlm. 282.

Di waktu kerajaan Arab Saudi pertama pegawai-pegawai yang menjalankan tugas **amar ma'ruf nahi mungkar** ditugaskan mengawasi ke atas urusan jual beli barang dan minuman bertujuan untuk mengelak dari berlakunya penyelewengan dan penipuan seperti berlakunya pengurangan timbangan atau sukatan atau menyakiti pembeli dan pengguna.¹

(c) **Adat Melaksanakan Amar Ma'ruf Nahi Mungkar**

Bagi pegawai yang terlibat dalam melaksanakan tugas **amar ma'ruf** dan **nahi mungkar** perlu mempunyai ciri-ciri dan sifat-sifat tertentu supaya tugasnya berjaya dan dapat memberi kesan yang baik kepada masyarakat. Ciri-ciri penting itu ialah:²

- (a) **Daie** hendaklah mengetahui dengan baik apa yang dia ingin suruh atau ajak orang lain kerjakan dan tahu apa yang dia hendak larang dan tegah supaya orang meninggalnya.

-
1. Pengarang Majhul, *Luma' al-Syihab*, Tahqiq Abd Rahman Ali, al-Shaykh, hlm. 49, Dr. Muhammad Abdullah al-Salman, *op.cit.*, hlm. 60.
 2. Dr. Munir al-Ajlani, *op.cit.*, hlm. 285-286, Dr. Muhammad Abdullah al-Salman, *op.cit.*, hlm. 60.

Atau dengan kata lain seseorang yang ingin menjelaskan tugas **amar ma'ruf nahi mungkar** itu dia perlu tahu perkara baik yang disuruh oleh agama supaya dia dapat menyuruh orang lain kerjakan dan dia mesti tahu perkara-perkara buruk dan mungkar yang ditegah oleh Allah supaya dia dapat menegah orang ramai jangan melakukannya. Kalau orang itu jahil mengenai perkara-perkara di atas, dia tidak layak untuk menjalankan tugas tersebut.

- (b) **Daie** hendaklah orang yang sentiasa melakukkan perkara-perkara baik yang hendak disuruh orang lain melakukannya, juga **daie** orang yang selalu menjauhi dan meninggalkan kemungkaran yang hendak ditegah orang lain dari melakukannya.

Jikalau seseorang itu tahu yang sembahyang berjemaah itu baik umpamanya, tetapi dia selalu tidak berjemaah tiba-tiba dia ingin mendakwah dan mengajak orang lain supaya selalu berjemaah, maka dia tidak layak untuk menjalankan tugas **amar ma'ruf nahi mungkar** dalam perkara itu dan dakwahnya tidak akan memberi kesan yang baik kepada

masyarakat.

- (c) **Diae** hendaklah banyak bersabar dalam menjalankan tugas, terutama sewaktu menghadapi halangan-halangan dan tentangan dari pihak yang melakukan kejahatan dan perlanggaran perintah.

Pegawai-pegawai yang berkenaan yang tidak mematuhi ketiga-tiga syarat di atas, tidak dapat menjalankan tugas dengan baik dan kesan dakwah atau nasihatnya tidak akan berkesan dengan baik. Sebab itu Muhammad Ibn Abd al-Wahhab sangat-sangat mengambil berat perkara ini dan dia pernah memberitahu orang-orang yang menjalankan tugas itu supaya melakukan dengan baik. Di antaranya beliau menyebut:

"Apabila berlaku sesuatu kemungkaran dari seorang muslim samada pembesar atau orang biasa, mula-mula hendaklah dinasihatkan orang itu dengan lemah-lembut dan senyap-senyap tidak terbuka. Jika orang itu menerima nasihat tersebut maka itu satu kejayaan, tetapi jika nasihat tidak dipatuhi, diminta supaya dihantar orang lain yang lebih berkemampuan untuk memberi nasihat kali kedua, jika tidak berjaya juga barulah dia menegahnya secara terang-terang dan terbuka ini jika yang melakukan itu orang biasa. Tetapi jika orang itu pembesar, perkara itu hendaklah disampaikan kepada pihak atasan secara senyap-senyap dengan harapan pihak

berkenaan pula menegur dan menasihati secara baik.¹

Di samping itu beliau juga mengingatkan pengikutnya, jika sekiranya larangan dan tegahan itu mendatangkan bahaya lebih besar, maka waktu itu lebih baik tegahan dan larangan Allah tidak dilakukan tetapi hatinya tidak redha dengan kemungkaran itu. Beliau berkata:

"Para ulama berpendapat sekiranya cara menegah atau menentang kemungkaran itu boleh menyebabkan berlakunya perpecahan -atau bahaya yang lebih besar, ia tidak harus dilakukan. Ingatkan Allah dalam melakukan apa yang aku sebutkan"²

Ini bukan bererti dibiarkan kemungkaran itu bergerak bebas, tanpa dihalang atau ditegur tetapi ia bermaksud cara lain yang lebih sesuai yang tidak mendatangkan bahaya lebih besar perlu dicari dan diguna untuk menangani kemungkaran itu.

Untuk menjadikan tugas *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* ini berhasil Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan pengikut-pengikutnya mengguna cara-cara yang tersendiri.

1. Dr. Munir al-Ajlani, *op.cit.*, hlm. 411-412.
2. *Ibid.*

Antaranya mereka menggunakan dua cara berikut:¹

(i) **Memberi Keterangan Dan Penjelasan**

Langkah awal yang dilakukan oleh beliau dalam memerangi kemungkaran ialah memberi keterangan, penjelasan, petunjuk dan mendakwah orang ramai dengan mengemukakan hujah yang kuat berdalilkan al-Quran dan sunnah juga berpandukan kepada pendapat para ulama *salafus al-salleh* dari kalangan-kalangan sahabat, tabiin dan tabi al-tabien serta ulama-ulama lain yang muktabar.

Kadang-kadang apabila perlu, surat-surat dakwah dihantar kepada orang-orang tertentu yang melakukan perkara mungkar, bid'ah dan khurafat. Dalam surat-surat itu dijelaskan mengenai hukum-hukum yang sebenar serta meminta mereka kembali kepada kebenaran Islam dengan berpandukan al-Quran dan hadith Rasulullah.²

Dengan keterangan-keterangan dan penjelasan itu diharap orang yang terlibat dengan kemungkaran akan sedar di atas kesilapan yang dilakukan dan akan berhenti

-
1. Dr. Ahmad Atiyyah al-Zahrani, *op.cit.*, hlm. 381.
 2. Lihat surat-surat dakwah beliau kepada orang ramai khususnya musuh-musuh beliau yang telah disebut

sebelum ini.

serta bertaubat kepada Allah. Tetapi jika cara pertama ini tidak mendatangkan hasil dan cara lain perlu dilakukan, beliau mengguna cara kedua iaitu:

(ii) **Mengguna Kekuatan dan Kekerasan**

Apabila cara lembut dengan memberi keterangan, penjelasan dan nasihat tidak diterima, bahkan penentangan dan kekerasan dilakukan oleh pihak-pihak pelaku kemungkaran terhadap beliau dan pengikut-pengikutnya, maka masa itu beliau dengan kuasa yang ada, menghalang dan mencegah kemungkaran serta pelaku-pelakunya dengan kekuatan dan kekuasaannya sehingga kadang-kadang mereka terpaksa mengguna kekuatan tentera lebih-lebih lagi apabila golongan-golongan yang menentang beliau itu juga menggunakan kekuatan dan kekuasaan seperti sewaktu menegah unsur-unsur syirik berbentuk pemujaan kubur dan pokok-pokok kayu keramat pada awal dakwahnya beliau terpaksa menggunakan kekuatan.¹

Selain itu beliau memaksa orang ramai supaya melakukan tuntutan agama. Sebagai contoh, sewaktu

1. Lihat peristiwa tersebut dalam bahagian dakwah beliau sebelum ini.

seorang¹ ulama dari Madinah bertanya beliau apakah sebab-sebab berlakunya perbezaan di antara penduduk Najd (yang mengikutnya) dengan orang Islam di tempat lain, beliau menjelaskan bahawa di Najd setelah ada kuasa dipaksa orang ramai melaksanakan urusan agama, ini dilakukan setelah disuruh secara baik tidak dipatuhi. Hal ini terbukti dalam jawapan beliau katanya:

"Jika kamu bertanya tentang sebab-sebab berlaku perbezaan antara kami dan orang-orang yang lain, maka sebenarnya dalam urusan syariat Islam seperti urusan sembahyang, zakat, puasa, haji, perkara-perkara halal haram dan lain-lain perkara lagi tidak ada apa-apa perbezaan. Perkara-perkara yang pada orang lain kira baik, pada kami pun baik, apa perkara pada mereka jahat, pada kami pun jahat. Yang membezakan kami dengan orang lain ialah kami di Najd memaksa orang ramai dengan kekuatan kuasa supaya mereka melaksanakan tuntutan agama dan menjauhi larangannya. Sedangkan di negeri lain dibiarkan orang ramai bebas samada muh melaksanakan atau meninggalkan (tanpa ditegah kemungkinan dan tidak dipaksa melakukan tuntutan agama). Umpamanya tidak dipaksa orang supaya menunai sembahyang (khususnya secara berjemaah), mengeluarkan zakat dan lain-lain lagi dan tidak dilarang jangan minum arak dan sebagainya. Sedangkan di Najd kami memaksa orang ramai bersembahyang fardhu berjemaah di masjid-masjid, dipaksa keluarkan zakat bagi yang berkuasa, ditegah minum arak, tidak dibenar berpesta

1. Penulis tidak dapat memastikan nama ulama itu.

menyanyi dan berhibur dengan mendedah aurat dan kami melarang perkara-perkara haram yang lain."¹

Selain itu Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab pernah menjelaskan sikapnya dalam memerangi kemungkaran, bid'ah dan khurafat sebagaimana yang dijelaskan kepada penduduk Maghribi, katanya:

"Inilah perkara yang kami dakwah orang ramai kepadanya dan kami perangi mereka (iaitu memaksa orang melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran dengan kekuatan kuasa). Setelah di bawa kepada mereka bukti-bukti dari al-Quran dan Sunnah Rasul juga ijmak **salafus al-salleh** (kami lakukan demikian berpandukan firman Allah).²

وَقَاتِلُهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الدِّينُ لِلَّهِ

Ertinya:

Dan perangilah mereka sehingga tidak ada fitnah lagi dan (sehingga) ketaatan itu hanya untuk Allah."

"Sesiapa yang tidak menerima dakwah setelah di bawa hujah dan keterangan kepadanya, kami perangi

-
1. Dr. Munir al-Ajlani, *op.cit.*, jid. 1, hlm. 280-281.
 2. Surah al-Baqarah, ayat 193.

mereka dengan pedang."¹

Dari petikan di atas jelas bahawa Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan pengikut-pengikutnya terpaksa melakukan kekerasan sehingga kepada melakukan serangan tentera kepada puak-puak yang berdegil tidak mahu meninggalkan kemungkar-an kemungkar besar, khurafat dan syirik setelah penjelasan mengenainya diberi dengan baik dan jelas, termasuk mengemukakan hujah-hujah dan dalil-dalil yang difikirkan kuat, seperti menggunakan tentera bagi mengawal keselamatan awam sewaktu mahu memotong pokok yang dikira keramat dan dipuja oleh ramai orang, dan sewaktu mahu meruntuhkan **kubbah** di kubur Zaid Ibn Al-Khattab.²

Usaha bersungguh-sungguh mengenai **amar ma'ruf** dan **nahi mungkar** dilakukan oleh beliau secara perseorangan pada peringkat awal lagi, seperti yang dilakukan di Basrah, kemudian diikuti di tempat lain selepas itu, kemudiannya disokong pula oleh pihak pemerintah sebaik sahaja beliau mendapat kerjasama dari beberapa orang amir. Kemudian selepas kematian beliau, usaha-usaha

1. Abd Aziz Ibn Zaid al-Rumi dan Kawan, Al-Rasail al-Syakhsiyah, **op.cit.**, jid. 5, hlm. 114-115.

2. Lihat bahagian dakwah beliau sebelum ini.

seperti itu diteruskan lagi oleh pemerintah Arab Saudi. Usaha-usaha tersebut didapati memang boleh menghasilkan buah yang baik sehingga sampai ke hari ini kita dapati kerajaan Arab Saudi meneruskan usaha itu sehingga pihak kerajaan memperuntukkan wang berjuta-juta rial bagi membiayai badan "*Haiah Amar Ma'ruf Nahi Mungkar*" bagi menjalankan tugas yang dipikulnya.

Sebagai kesimpulan bolehlah dikatakan di sini bahawa Muhammad Ibn Abd al-Wahhab mengambil berat kepada tugas *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* semenjak awal lagi, semenjak masih belajar di Basrah, kemudian diteruskan setelah mendapat sokongan dari amir-amir yang memerintah. Tugas ini dilakukan dengan berbagai-bagai cara; dengan mengajar, memberi nasihat yang baik, dengan menghantar surat-surat dakwah, kemudian apabila terpaksa beliau menggunakan tentera dan senjata. Hasilnya kemungkaran, maksiat, khurafat dan bid'ah dapat dihapuskan atau dikurangkan di Najd dan di Semenanjung Tanah Arab yang di bawah kekuasaan kerajaannya.